



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDONGAN-NYA

RANG UNDANG²:

Rang Undang² (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 545]

Rang Undang² Pendaftaran Jurutera (Pindaan) [Ruangan 599]

Rang Undang² Pendaftaran Jurukor (Pindaan) [Ruangan 605]

Rang Undang² Akitek (Pindaan) [Ruangan 607]

UCHAPAN PENANGGOHAN (Kemasokan Hippies ka-Negara ini) [Ruangan 610]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 1hb Jun, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Di-lantek).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Dato' Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG²

**RANG UNDANG² (PEMBAHAGIAN)
HARTA PESAKA KECHIL (PINDAAN
DAN PERLUASAN)**

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang". (31hb Mei, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan mukaddimah saya sa-malam, saya suka-lah sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh kapada pehak Kerajaan yang mengemukakan Rang Undang² ini oleh kerana sudah sa-patut-nya-lah Rang Undang² ini di-kemukakan, malah kalau boleh terlebih dahulu daripada tarikh yang di-kemukakannya ini. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah Rang Undang² (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil ini di-buat pada tahun 1955, di-ketika Parlimen kita maseh lagi tidak penoh ia-itu kita di-dalam nama Legislative Council lagi dan sekarang ini sudah tiga kali pilihanraya sudah sa-patut-nya-lah kita kemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya suka membangkitkan di-sini ia-itu Rang Undang² ini, atau pun undang² yang sedang berjalan ini telah berkembang dan mengalami beberapa perubahan dan pindaan, sekurang²-nya pindaan yang pertama-nya

ia-lah di-lakukan dalam bulan Mei, 1959. Kemudian berlaku lagi pada tahun 1965 di-ketika kita pindaan undang² Melaka dan Pulau Pinang. Kemudian ini-lah kali keempat atau kali ketiga-nya kita kemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenangkan perkembangan ini dan pindaan² yang di-lakukan daripada satu masa ka-satu masa, saya suka-lah menarek perhatian Kerajaan tentang perlaksanaan undang² itu sendiri kerana masaalah harta pesaka ini, walau pun kita sebutkan Harta Pesaka Kechil, tetapi ia-nya kena-mengena dengan sa-chara langsung kapada kedudukan ra'ayat kita dan ra'ayat kita-lah yang banyak mempunyai harta pesaka kechil ini. Dengan demikian, kalau kita sudah meluluskan Rang Undang² ini, saya minta-lah kapada pehak berkuasa yang berkenaan melekasakan atau menchepatkan supaya segala masaalah yang di-hadapi oleh ra'ayat itu dapat di-selesaikan. Mithalnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meluluskan Rang Undang² ini dahulu pada tahun 1955, Negeri Kedah tidak dapat memberi persetujuan-nya atau pun tidak dapat menchari jalan kerjasama dengan pehak Kerajaan Pusat, ia-itu Kerajaan Negeri Kedah sendiri ini hingga pada tahun 1962. Erti-nya hampir² 7 tahun undang² ini tidak dapat di-laksanakan, kemudian baharu-lah negeri² yang lain ada baik sadikit pada tahun 1957 dapat di-laksanakan. Erti-nya kalau-lah ada chontoh sa-buah Negeri atau State di-dalam negara kita ini melengah²kan, maka saya rasa tidak-lah ada ma'ana kita chuba melengahkan undang² yang samacham ini. Ini kita dapat perhatikan bagaimana Negeri Kedah membuang masa sampai 7 tahun dan negeri² lain membuang masa sampai 2 tahun. Tidak saperti Negeri Kelantan, Negeri Kelantan bila Rang Undang² itu di-luluskan pada bulan Jun, 1955, pada bulan Disember, 1955 itu juga

sudah selesai. Ini menunjukkan chekap-nya orang Kelantan itu dalam bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Pada masa itu tidak ada berbangkit soal Kerajaan Champoran lagi, tetapi pehak Negeri Kelantan telah menunjukkan bagaimana chekap-nya dalam kerjasama untuk melaksanakan undang² yang ada kena-mengena dengan ra'ayat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sampai kepada pindaan ini, satu perkara yang lagi sa-kali kita patut ingatkan ia-itu pindaan² yang di-buat ini untuk maksud memperluaskan kuat-kuasa ini kepada semua Negeri² di-Malaysia ini termasuk Malaysia Timor. Kalau dalam arti-kata Malaysia Barat sa-kali pun ada negeri² yang memakan masa dua tiga tahun, ada yang sampai 7 tahun, betapa pula hal-nya bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Ini-lah yang saya ingin menarek perhatian ketika saya mengatakan berlaku tadi, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya berkata begitu ia-lah kerana masalah ini ada Rang Undang² ini memberi satu peruntukan kepada Negeri Sabah dan Sarawak, ia-itu dalam Clause 2, Rang Undang² kita ini. Di-sini arti-nya di-perluaskan ka-sana dan Menteri boleh membuat peruntukan bagi menentukan tarikh² perlaksanaan itu bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Ini erti-nya kita memberi peluang kepada negeri itu, tetapi masalah yang akan timbul ia-lah banyak benda yang mesti di-timbangan, taken into consideration ia-itu mithal-nya adat, agama, kedudukan Mahkamah, kerana Sabah dan Sarawak ada Mahkamah Bumiputra-nya ia-itu Native Court dan di-Malaysia kita sendiri ada adat sa-lain daripada Islam mungkin Negeri Sembilan pun melibatkan pula satu adat yang lain kemudian daripada itu dalam pindaan ini, kita masukkan pula dalam sekshen 15 (a) kita masukkan sa-lain daripada orang itu orang Islam kita masukkan sa-bagai bumiputra pula. Ini akan menambahkan lagi kerumitan undang², sebab kata-lah di-Sabah dan Sarawak itu sa-orang bumiputra dan dia being governed by the Court Bumiputra kemudian daripada dia menganuti agama Islam sedangkan title tanah atau grant tanah-nya itu di-beri di-bawah Native Title. Jadi di-situ yang mana yang hendak prevail—law mana. Ini tidak ada penyelesaian yang di-kemukakan di-dalam undang² ini, mungkin pada hari yang lain, tetapi saya membuat homework sadikit

semalam, saya tidak dapat benda itu jadi bertambah rumit saya memikirkan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak apa-lah kita katakan itu satu conflict yang kita serahkan kepada Peguam Negara kita, tetapi ada satu masalah yang saya mungkin lagi sa-kali di-sini tentang keadilan ia-itu di-dalam kita hendak meminda sekshen 19 (1) (a) ia-itu kita hendak gantikan Ruler sahaja—muka 6 sekshen 19 (1) (a), 25 (1), 29 (1) kita hendak gantikan perkataan “Ruler in Council” dengan perkataan “Ruler” sahaja. Ini pun, saya rasa, amat-lah susah, ada-kah masalah harta pusaka ini boleh kita lakukan dengan memadai berlinggong di-bawah kuat-kuasa prerogative Sultan sahaja atau pun mesti-lah Sultan itu Ruler in Council in this particular case, ma'ana² kes ini bukan kesemua-nya. Ini pun menjadi satu masalah juga dari segi orang Islam yang susah mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Kelas III tetapi apabila orang bertanya dalam perkara ini dan saya hendak menjawab, kalau saya jawab dengan undang² Islam law kita still blind, undang² kita berlainan dan kalau kita katakan Rang Undang² yang berjalan di-Federal itu tidak peduli, atau tidak mesti ikut Islam, orang akan berkata kepada saya, apa pula ma'ana agama Islam sa-bagai agama rasmi, kesemua-nya ini yang sa-patut-nya di-fikir oleh Peguam Negara di-fikirkan oleh orang lain tentang susah-nya, ini-lah yang saya menarek perhatian.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, tentang keadilan yang saya kata tadi. Collector ini yang tersebut di-sini orang yang mengutip pangkat collector mengikut Rang Undang² kita ini, chukop tinggi pangkat-nya bukan sahaja dia memungut hasil, atau pun menyelesaikan masalah harta pesaka, tetapi dia satu pangkat yang dekat² hendak sama dengan Judge yang tinggi dalam negeri kita ini ia-itu collector boleh membenarkan lawyer, atau pun peguam mewakili mana² pehak dan boleh dia tidak membenarkan. Sa-patut-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam masalah civil yang sa-macham ini apa salah-nya kalau kita memberi lawyer yang mewakili parti yang berkenaan, mungkin kita katakan harga \$25,000 itu kecil atau pun harga \$10,000 itu kecil small estate ini dan tidak mustahak di-wakili oleh sa-orang peguam dalam satu² perbicharaan, atau tidak mustahak-lah peguam ada di-dalam tempat itu, melainkan collector itu mengatakan ya, atau pun tidak.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok di-dalam kes² yang bukan civil, kes² criminal, kalau harga itu \$500, \$50 lawyer boleh represent client-nya. Bagaimana pula di-sini kita tidak benarkan. Dari segi keadilan-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah pertenggaran antara kedua pihak itu merupakan lead atau pun leading yang boleh di-tarikhkan pula di-sua, saya rasa, kalau kita boleh memberi hak kepada peguam² mewakili dalam perkara² crown, perkara² yang masalah criminal, mengapa pula kita tidak boleh beri dalam perkara² civil. Sebab lagi lebeh rumit bagi masalah² civil itu daripada masalah² criminal. Dalam 100 keluarga, mungkin ada dalam dua tiga orang dari satu kampong atau dari 3 keluarga yang dapat kita katakan di-bawa ka-dalam Mahkamah Criminal pada tiap² tahun, tetapi tidak ada satu keluarga pun yang tidak terlibat dengan harta pesaka sebab apabila mati tinggal warith-nya, maka dia terlibat, jadi dalam kes yang besar bagini kita tegah peguam itu tidak beri masuk dan kita katakan boleh-lah kalau collector itu memikirkan-nya.

Kemudian daripada itu, Trengganu, Tuan Yang di-Pertua, dalam undang² ini maseh lagi mempunyai kedudukan yang istimewa erti-nya terpaksa kita kena sebutkan undang² ini boleh-lah pergi sampai ka-negeri Trengganu, kalau saya tidak dapat di-sini, tidak ada kepada saya, tetapi yang saya ingat begitu ia-lah undang² ini boleh diperluaskan sampai ka-negeri Trengganu. Jadi sa-olah²-nya Trengganu mempunyai kedudukan-nya yang sendiri dalam undang² ini. Kalau kita katakan ini sudah menyeluruh, boleh-lah kita beri peluang kepada Sabah dan Sarawak untuk Menteri itu appoint tarikh² yang tertentu, tetapi apa ada kena-mengena dengan Trengganu, ada-kah Perlembagaan sampai begitu special khusus sehingga law itu di-kekalkan begitu. Saya tidak dapat di-sini, kalau ada, saya suka benda itu di-buatkan supaya Trengganu itu menjadi sama dengan negeri lain, kechualilah Perlembagaan Trengganu itu berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan, jika tidak di-buat begitu, dan kalau itu-lah benda yang berlaku sudah sa-patut-nya tiap² Perlembagaan Negeri itu mesti di-selaraskan dengan Perlembagaan Federal. Mengapa kita mesti buat satu undang² sampai terpaksa singled out satu State, sedang Straits Settlements pun kita bawa in conformity dengan undang² Federal, kemudian Malay State ada

satu di-Trengganu kita tidak peduli. Ini ia-lah satu masalah yang amat besar, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian di-dalam perkembangan undang² ini pada satu masa dahulu yang dinamakan small estate ini ia-lah harga-nya (value) \$500.00 kemudian daripada itu di-pinda pada tahun 1955 \$5,000, tahun 1959 \$10,000; kemudian tahun 1972 \$25,000. Nampak-nya nilai, bukan price, nilai Kerajaan meletakkan kepada ra'ayat chukup tinggi. Erti-nya \$5,000 itu tidak di-kira kecil lagi, tidak masuk kira langsung, \$25,000 baharu small estate. Jadi sa-olah² ra'ayat kita ini kesemua manusia² yang mempunyai harta pesaka \$25,000 ka-atas, sedang sa-tengah keluarga itu jual rumah-nya dengan tanah-nya, kambing-nya, ayam-nya pun tidak sampai \$25,000. Barangkali Peguam Negara sendiri pun kalau jual harta-nya tidak sampai \$25,000 kerana dia pun orang miskin. Ini pun kita timbangkan, Tuan Yang di-Pertua. Ini-lah yang saya rasa banyak benda yang kita patut tambahkan lagi.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, yang saya bangkitkan mengapa angka² ini tidak di-pergiat ia-lah di-dalam undang² yang berjalan sekarang ini di-bawah sekshen, kalau mengikut chatetan saya, kalau silap, Peguam Negara boleh tolong betulkan ia-itu Sekshen 31 (2) di-situ tidak boleh di-ambil sabahagian harga harta pesaka itu untuk di-bayar kepada Solicitor's cost tidak boleh di-ambil di-situ, kechuali kalau harta itu lebeh daripada \$3,000. Lojik-nya, Tuan Yang di-Pertua, kadang² lojik ini pun kita tidak boleh pakai, tetapi di-situ terpaksa kita kena pakai ia-itu kalau tidak boleh di-bayar cost bagi Solicitor, melainkan harga atau pun nilai harta pesaka itu lebeh \$3,000 atau \$3,000 ka-atas di-masa ta'arif harta pesaka kecil itu angka-nya \$5,000. Apa kata apabila angka itu sudah naik \$10,000, ada-kah \$3,000 itu menjadi neracha lagi, menjadi minima lagi. Apa kata pula sekarang ini sudah naik \$25,000. Jadi mengapa kita tidak bring in conformity dengan angka² yang kita pinda dari satu masa ka-satu masa, kechualilah kalau memang Peguam Negara sendiri atau pihak Legislature sendiri bermaksud bahawa walau sa-bagaimana naik tinggi sa-kali pun, maka angka minima itu biar-lah \$3,000. Jika begitu ada-lah masalah lain, tetapi saya nampak di-sini maksud itu, tetapi oleh kerana kurang di-beri perhatian.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, chubalah kita fikir dan tengok di-mana-lah kumpulan warith² (beneficiary) itu hendak mendapat duit. Mithal-nya, harta-nya kata-lah \$25,000 warith-nya ada lima orang, kemudian dia hendak memakai sa-orang peguam untuk menyelesaikan dan Alhamdullillah, Collector itu memberi kebenaran, maka ada-lah peguam kita tolong menyelesaikan. Ta' kanlah peguam kita tidak dapat cost itu, tidak di-beri belanja, tentu-lah tidak kena macham itu, kemudian bila hendak di-beri kata-lah warith² itu tidak ada duit, melainkan di-harap bila di-pechahkan harta itu-lah duit yang dia dapat. Kalau-lah tidak di-ubahkan angka² ini saya rasa bagaimana criterion dia yang kita hendak kenakan duit itu daripada \$3,000 di-ketika zaman \$5,000 bawa pula sampai zaman \$10,000 dan bawa kepada zaman \$25,000. Itu kesemua-nya masaalah². Sa-lain daripada masaalah adat, masaalah kastam dan yang melibatkan kita, dan perka-taan kastam ini pun kita gunakan Malay Custom sedangkan Malay Custom itu kita di-sini ada dua: Adat Perpatih dan Adat Temenggong. Adat Temenggong mengikut farahidh pembahagian-nya mengikut Islam, sedang Adat Perpatih tidak. Ini pun menjadi satu masaalah. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan kepada Dewan ini supaya di-adakan satu Surohanjaya, bukan berma'ana kita menolak Rang Undang² ini. Kita terima, kemudian adakan Surohanjaya supaya Surohanjaya ini menyiasat, kalau tidak pun sa-lepas di-jalankan, kita adakan satu Select Committee. Bukan hendak membahath Rang Undang² ini, tetapi hendak menerima atau hendak menjalankan tugas² menyiasat dan kita menyerahkan ma'alumat itu kepada Dewan ini. Kalau tidak boleh di-buat Select Committee, kita buat-lah dengan jalan Surohanjaya. Itu-lah yang saya maksudkan kerana benda ini amat-lah mustahak dan kena-mengena dengan seluruh lapisan ra'ayat. Terima kaseh.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² ini kerana Rang Undang² ini bukan sahaja penting bagi semua ra'ayat, terutama sa-kali ra'ayat² yang mempunyai harta pesaka yang kecil, tetapi juga undang² ini mempunyai implikasi sosial dan implikasi ekonomi yang mendalam; saya akan menerangkan apa yang saya maksudkan sebentar lagi. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua,

bahawa Rang Undang² ini ia-lah untuk mengubah atau pun membaiki lagi kedudukan undang² yang telah di-luluskan pada tahun 1955.

Satu fasal dalam Rang Undang², Fasal 4 ia-lah berkenaan dengan mengubah Sekshen 3 Ordinan yang ada sekarang ini ia-itu kalau kita mengambil huraian yang di-beri ia-lah meminda Sekshen 3 untuk menaikkan nilai harta pesaka daripada \$10,000 kepada \$25,000. Ini pindaan daripada angka \$10,000 kepada \$25,000 ini barangkali tidak-lah luar biasa, kerana saperti yang di-terangkan oleh Peguam Negara sa-malam ia-lah mengikut keadaan ekonomi negara, kerana sara hidup telah naik, harga barang² sudah naik, jadi pendapatan pun lebeh. Itu tidak-lah luar biasa. Sa-benar-nya masa meluluskan undang² ini pada tahun 1955 harga harta pesaka atau nilai harta pesaka yang di-tetapan ia-lah hanya \$5,000 sahaja daripada tahun 1959, di-pinda menaikkan \$10,000 dan tahun ini di-pinda lagi sa-kali menaik kepada \$25,000.

Perkara yang mustahak sa-kali yang saya rasa di-bawah pindaan Fasal 4 ini, berkenaan Sekshen 3 Ordinan ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan perkara² yang di-maksudkan sa-bagai perkara² di-dalam harta pesaka kecil. Kalau kita baca di-sini, dia mengatakan, nampak-nya dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin.

“For the purposes of this Ordinance a small estate means an estate of a deceased person consisting wholly or partly of immovable property situated in any State and not exceeding twenty five thousand dollars in total value.”

Perkara yang saya hendak terangkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah perkataan “immovable property”. Dalam bahasa Malaysia-nya kita boleh anggapkan sa-bagai “tanah”. Dia tidak memasokkan perkara² berkenaan dengan “movable property”. Kalau kita mempunyai katakan-lah kita mempunyai satu² harta pesaka itu, mempunyai tanah dan harta² yang boleh bergerak (movable property), umpama-nya saham atau wang dalam simpanan bank atau kita mempunyai kedua² dan jumlah semua-nya tidak lebeh daripada \$25,000, maka boleh-lah di-gunakan di-bawah Undang² ini. Kalau sa-balek-nya kita mempunyai harta pesaka chuma dengan savings bank account sahaja, katakan-lah

sampai \$20,000 jadi undang² ini tidak boleh di-pakai. Kalau kita mempunyai saham, chuma saham sahaja atau unit trust atau apa sa-kali pun yang tidak di-anggapkan sa-bagai tanah, maka undang² ini tidak boleh di-pakai; terpaksa-lah kita gunakan di-bawah undang² yang kita luluskan semalam, ia-itu Rang Undang² Probet dan Pentadbiran. Ini satu perkara yang rasa saya, patut kita timbangkan sa-mula.

Sekarang ini zaman yang mana kita telah, rasa saya, sedar sedikit bahawa harta pesaka itu bukan-nya sahaja dari segi tanah, tetapi juga dari segi share atau saham², unit trust—yang sekarang ini di-galak²kan—simpanan wang dalam bank, sama ada di-bank Post Office atau pun bank biasa. Itu yang digelar kan sa-bagai movable property. Di-sini telah di-terangkan betul², kalau ada immovable bersama dengan movable, tidak lebeh daripada \$25,000 maka boleh-lah di-pakai undang² ini, tetapi kalau chuma movable sahaja tidak ada langsung masuk tanah, maka undang² ini tidak boleh di-pakai.

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, sa-masa membahathkan Rang Undang² ini pada tahun 1955, perkara ini telah di-bawa kapada Select Committee. Rasa saya, diantara Ahli² kita yang ada hadir pada hari ini, barangkali Yang Berhormat Dato' Ubaidulla ada pada masa perbahathan itu. Dengan izin, saya suka membachakan sedikit daripada rekod atau pun perbahathan yang telah berjalan pada 2hb Jun, 1955 berkenaan dengan Rang Undang² ini, sa-masa Yang Berhormat Peguam Negara pada masa itu, Mr Hogan, membentangkan Rang Undang² ini. Sa-benar-nya pada masa itu Rang Undang² itu telah di-bawa kapada satu Select Committee yang di-ketuai oleh Tun Dr Ismail. Ini kata-nya dari segi movable property tadi:

“The only other matter of change which I will mention is the amendment which excludes from the operation of the Bill any small estate that consists entirely of movable property. One of the main purposes behind the Bill was to speed up the procedure and to speed up the distribution of estates which involved land and to avoid delays in the Land Office. It seemed a pity to clutter up those who will have to deal with these types of estates, to clutter them up with estates consisting entirely of movable property and which

did not in fact present quite the same problems as those involving land and with which they might actually not be well equipped to deal, and we accordingly propose by this Report and in the amended Bill to exclude from its operation any small estate that consists entirely of movable property.”

Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1955 itu ada alasan. Pada masa itu barangkali banyak lagi orang² yang agak saya barangkali tidak mengerti dari segi kedudukan saham, kedudukan unit trust, kedudukan simpanan di-dalam bank.

Pada masa dahulu kuasa di-beri kapada Collector atau Pemungut Hasil Tanah dan boleh di-selesaikan dengan serta-merta. Rasa saya sekarang ini kedudukan sudah berubah, sudah lebeh daripada 15 tahun. Jadi, patut-lah kita mengkaji kedudukan undang² ini dari segi masa yang ada sekarang ini. Kalau kita menggalakkan orang² kita mengambil bahagian di-dalam lapangan business, dengan menggunakan saham², jadi, nampak saya tidak patut-lah perkara ini kita ketepikan. Kalau dia mempunyai saham sahaja, sa-bagai estet-nya, terpaksa-lah dia pergi ka-Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan kebenaran untuk menukarkan saham tadi, ini satu perkara, rasa saya, yang memberatkan orang² yang kita hendak menolong tadi. Rasa saya masa-nya sudah sampai bagi kita mengkaji sa-mula kedudukan ini. Kalau alasan-nya tidak ada orang yang hendak mentadbirkan undang² ini, rasa saya, itu patut kita kajikan, charikan orang-nya. Kita perlukan supaya Pegawai² Daerah atau pun Collector yang kita maksudkan itu terlatah di-dalam jurusan ini, dan kita chari jalan lain saperti semalam saya katakan kalau kita ada banyak registry dan barangkali beri kuasa kapada Registrar. Kalau kita bawa umpama-nya penyelesaian harta di-Mahkamah Tinggi mengikut Undang² Probate, itu banyak ragam-nya, umpama-nya, kena dua kali. Pertama, kita terpaksa meminta kuasa, lepas itu baharu pula pergi ka-peringkat kedua-nya, meminta perintah daripada hakim, Hakim Mahkamah Tinggi, tidak boleh daripada Registrar, untuk memberikan harta. Tetapi di-bawah undang² ini sa-kali gus sahaja—collector sendiri boleh mendengar petition itu dan pada masa itu juga, dia boleh memberi sa-saorang warith sekian banyak, sekian banyak habuan-nya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya

harap perkara ini dari segi memasokkan movable property sa-bagai sa-bahagian daripada harta pesaka patut-lah di-timbang-kan sa-kali lagi dengan sa-halus²-nya oleh Kerajaan.

Perkara kedua yang agak mustahak, yang saya maksudkan dengan implikasi sosial dan implikasi ekonomi tadi ia-lah berkenaan dengan pemberian harta. Tuan Yang di-Pertua, kita memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah atau Collector untuk membahagikan harta² yang sa-memangnya kita sedar sudah menjadi harta kecil. Selalu apa yang berlaku bagini. Kalau-lah harta kecil itu kita nilaikan, umpama-nya tidak lebih daripada \$25,000 umpama-nya harta itu tanah, tanah paya dua ekar, tiga ekar, lima ekar, yang tidak lebih nilai harga-nya daripada \$25,000, jadi, sudah tentu harta itu sudah menjadi harta kecil. Katakan-lah tiga ekar di-bawah daripada \$25,000. Di-dalam petition untuk membahagikan ini akan di-sebutkan siapa-kah waris-nya dan kebiasaan-nya waris-nya lebih daripada dua tiga orang. Ini-lah satu soal yang agak saya rumit. Jadi tanah yang tiga ekar kalau-lah ada waris, katakan-lah lima orang, terpaksa di-bahagi lima kalau mereka tidak bersetuju.

Bagaimana kedudukan tanah tiga ekar, terpaksa di-bahagikan di-antara lima orang? Lima orang mempunyai tanah. Kalau katakan-lah tanah sawah, apa yang berlaku sa-chara praktik ia-lah selalu-nya yang lima² ini berkelahi sa-sama sendiri, tidak boleh bersetuju. Akhir-nya tanah itu tidak dapat di-kerjakan. Ini-lah sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, bila kita menjelajah kaserata negara kita dapati terutama sa-kali di-kampong² banyak tanah yang tidak di-usahakan. Kenapa? Bukan-nya mereka itu malas, tetapi kerana mereka sa-sama mereka berkelahi. Waris sa-sama waris berkelahi. Mereka tidak dapat membuat persetujuan. Sa-orang waris mengatakan: Saya mempunyai chuma 1/20 sahaja bahagian ini. Yang sa-orang lagi berkata: Saya mempunyai 2/20 tanah tidak di-belah bagi mengikut undang² tanah. Ini-lah yang menjadi kerumitan.

Saya tertarek hati benar dengan shor yang telah di-kemukakan, atau pun perbahathan yang telah di-buat oleh Tun Dr Ismail samasa beliau menyokong Rang Undang² ini pada tahun 1955. Kalau saya di-benarkan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka

membacha apa Tun Dr Ismail mengatakan pada masa itu.

Kata-nya :

“Sir, one of the chief objectives of this Bill has, therefore, in the case of Muslims (ini terutama sa-kali kapada orang² Islam) had to be modified. In other words, in the case of Muslims, only if all the beneficiaries agree can those small estates be not sub-divided and fragmentation avoided.”

“Well, Sir, as Muslims, of course, we have to follow the Muslim law. But it is significant that in the State of Kelantan, as is mentioned in this Report on page 2 the same section which deals with the conflict of the Muslim law, the Committee says: ‘We noted, however, that it may be possible to avoid excessive fragmentation by suitable amendment of the law dealing with the land tenure: section 37A of the Kelantan Land Enactment, 1938, restricts sub-division below 250 square depa except in urban areas or in particular cases where His Highness the Sultan grants exemption, and it is thought that similar provision might with advantage be made in the land laws of the other parts of the Federation.’ ”

“Well, Sir,” Tun (Dr) Ismail continued, “if that law could be applied in Kelantan, I would recommend to the representatives of the States and Settlements in this Council to give very careful consideration to amending Land Enactments in their various States so as to avoid this problem of excessive fragmentation of land. This excessive fragmentation of land is one of the chief causes of the backwardness of the Malay economy; and as land is a matter for the States and Settlements, I think it is very incumbent on States and Settlements to see that the Malays who are Muslims should be helped in this respect: that is, fragmentation, so long as we can without transgressing Muslim law, should be avoided.”

Ini kata Tun (Dr) Ismail pada tahun 1955.

“Now, I would suggest that the States and Settlements should appoint a Committee and give it even the power to go to modern Muslim countries where this problem of fragmentation of land has been solved. I myself feel that unless this question of fragmentation is solved by the Muslims and by the Malays there is very little hope that the economy of the Malay peasantry can be improved.”

Tun Dr Ismail telah memberi pandangan-nya pada tahun 1955.

Sekarang ini, kalau kita hendak membantu orang² yang sudah miskin, yang mempunyai harta yang begitu kecil umpama-nya hendak menjalankan, atau hendak menambahkan mata pencharian daripada tanah-nya seperti paya, atau pun sawah yang kita sekarang ini menggalakkan mereka itu menggunakan alat² yang begitu moden, berupa trektor dan sa-bagai-nya, bagaimana-kah sa-orang yang mempunyai harta 1/20 kepada satu ekar itu hendak memajukan tanah kalau dia ada hanya banyak itu sahaja? Ta' chukup, bawa ka-bank hendak pinjam duit pun, bank tidak terima. Kalau kita hendak mengatasi soalan fragmentation yang di-maksudkan di-sini, rasa saya, kita tidak dapat-lah menolong orang² yang sa-benar-nya kita hendak tolong. Ini-lah implikasi sosial dan implikasi ekonomi yang amat besar kepada saya. Rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun Undang² ini telah mula berjalan sejak tahun 1955 dan Kerajaan menchari ikhtiar berbagai² ikhtiar untuk mengatasi soalan fragmentation ini, saya rasa, itu pun tidak memuaskan lagi, kerana kalau kita pandang kepada Undang² yang telah di-khaskan untuk menyatukan tanah yang telah pun di-luluskan oleh Kerajaan pada tahun 1966 yang di-gelarkan Akta Memperbadankan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah tahun 1966, barangkali, Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli² yang ingat kenapa Undang² itu telah di-luluskan. Saya mempunyai satu laporan (report) yang di-kemukakan oleh Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara yang telah pun di-bentangkan di-Dewan ini. Ini laporan yang terakhir sa-kali, Kertas Statute No. ST. 8/72 dan di-sini saya suka membacha dan menunjokkan, sudah-kah terchapai-nya maksud kita mengatasi land fragmentation tadi. Ini report yang di-buat oleh Pengerusi-nya. Kata-nya diperenggan 2:

“Lembaga ini telah di-tubuhkan di-bawah kuatkuasa Act (Memperbadankan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 yang mana telah di-kuatkuasakan pada 1hb April, 1966.

Shor menubuhkan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara sebagai satu badan yang berkanon telah di-buat oleh satu Jawatan Kuasa, Kerja yang di-lantek oleh Kerajaan dalam bulan Oktober, 1964”

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tahu kedudukan masalah fragmentation tanah ini. Itu-lah sebab-nya Kerajaan telah menchari ikhtiar untuk mengatasi-nya. Laporan itu menambah lagi:

“ . . . Dalam laporan-nya kepada Kerajaan, Jawatan-kuasa Kerja ini berpendapat bahawa ada-lah mustahak bagi Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara ini di-tuboh terutama sekali oleh sebab ada-lah di-dapati bahawa ranchangan² tanah sa-umpama Ranchangan Tanah Pinggir, Ranchangan Tanah Terkawal dan Ranchangan Tanah Baharu Terkumpul yang di-kelolakan oleh Kerajaan Negeri tidak-lah begitu memuaskan sa-bagaimana di-jangka dan di-kehendaki di-puleh semula dengan segera-nya demi kepentingan pembangunan negara; dan kedua-nya . . .”

Ini yang kedua-nya yang mustahak yang ada berkaitan dengan kita:

“ . . . ada-lah di-dapati mustahak supaya langkah di-ambil untuk menyatukan kesemua tanah yang di-dapati kecil dan tidak berekonomi di-kawasan luar bandar.”

Jawatan-kuasa itu sa-benar-nya telah pun membuat repot kepada Kerajaan, dan repot itu mengikut laporan ini telah pun di-terima oleh Kerajaan. Menyambong repot itu, Tuan Yang di-Pertua:

“Dengan ini Jawatan-kuasa Kerja telah berchadang supaya Lembaga ini di-beri tugas seperti berikut:

- (a) menjalankan kerja² memuleh semula Ranchangan² Tanah Pinggir, Ranchangan² Tanah Terkawal dan Ranchangan² Tanah Baharu Terkumpul;
- (b) mengelola dan memajukan Ranchangan² Tanah Pinggir bagi pehak Kerajaan Negeri; dan
- (c) menjalankan kerja² pemulehan dan penyatuan tanah² milek yang tidak berekonomi dengan permintaan atau persetujuan tuan punya tanah.

Segala shor² Jawatan-kuasa Kerja telah di-terima oleh Kerajaan dan dengan sa-demikian Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara telah di-tubuhkan di-bawah Act (Memperbadankan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966.”

Sa-lepas itu, dalam laporan ini, Tuan Yang di-Pertua, di-bawah perenggan 5 ini apa yang di-terangkan oleh Pengerusi Lembaga ini, rasa saya aneh sedikit: Kata-nya:

“Walau pun tajok Act (Memperbadankan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 menhadangkan bahawa penyatuan tanah ada-lah satu daripada tugas² utama-nya, pada hakikat-nya Lembaga tiada apa² kuasa langsung di-bawah Act ini bagi menjalankan dengan jaya-nya sebarang kerja² penyatuan tanah . . .”

Pengakuan ini telah di-buat oleh Pengerusi Lembaga ini sendiri. Saya rasa perkara ini patut benar mendapat perhatian yang sangat teliti oleh Kerajaan. Kerajaan telah sedar bahawa penting-nya tanah² yang kecil ini patut di-satukan supaya dapat di-kerjakan atau di-usahakan dengan lebeh ekonomik-nya. Tetapi yang aneh-nya di-dalam Undang² yang khas di-bentok untuk-nya maka kuasa² tidak di-beri kepada Lembaga itu. Saya harap Kerajaan dapat memandang dengan berat atas perkara ini.

Kalau perkara fragmentation tanah itu tidak dapat di-selesaikan, rasa saya orang yang kita hendak tolong yang kita maksudkan di-bawah Rang Undang² itu, kita akhirnya tidak tolong. Kita mungkin akan merugikan mereka lagi.

Sahabat² saya di-Dewan ini Yang Berhormat Dato' Crawford dan juga Yang Berhormat Tan Sri Gan Teck Yeow memang bersetuju dengan saya kalau saya katakan dari segi kebun getah umpama-nya, kalau kita mempunyai kebun getah chuma tiga ekar atau pun suku ekar, barangkali kita tidak akan mendapat production atau pun penghasilan yang berpatutan. Jadi ini-lah perkara yang patut kita timbang dengan sa-halus²-nya untuk kepentingan semua ra'ayat.

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdullah bin Dato' Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berkata sedikit berkenaan Akta ini dan pada mula-nya saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah kerana mengingati Yang Berhormat Peguam Negara supaya memasokkan provision kerana membayar ongkos kepada peguam². Jadi untuk mem-bela hak peguam² itu, saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Yang sa-benar-nya peguam² ini tidak suka kos itu di-tetapkan. Jadi saya terpaksa menerangkan kenapa mereka itu suka benda itu tidak di-terangkan. Bila sudah di-tetapkan, tidak dapat-lah mereka itu menchari jalan dapat lebeh sedikit ongkos-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta ini dan saya sokong dengan sa-penoh-nya apa yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin berkenaan dengan Sekshen 3 ini berkenaan dengan “movable and immovable property”. Nampak-nya Akta ini tidak mengambil perhatian atas peredaran masa. Pada masa dahulu orang² di-desa chuma mempunyai harta tanah sahaja. Tetapi pada masa ini sudah berubah dan Kerajaan kita pun meng-galakkan mereka menyimpan duit di-Tabong Haji dan juga membeli saham², bukan sahaja saham MARA tetapi juga saham² dalam perindasterian. Boleh jadi pada satu masa mereka yang di-desa ini mengikut juga chara orang² di-bandar. Harta-nya di-kurangkan di-simpan sa-bagai tanah dan lebeh di-simpan sa-bagai saham kerana saham itu lebeh mudah di-jual beli daripada tanah. Jadi kalau tidak di-masokkan di-dalam clause ini movable property, saya jangka dalam masa yang tidak berapa lama lagi menjadi kesusahan juga kepada orang² yang duduk di-desa.

Saya suka juga, Tuan Yang di-Pertua, berkata sedikit berkenaan dengan administrasi Small Estate Act ini. Saya sa-banyak sedikit ada pengalaman sa-bagai peguam dalam perkara ini dan juga saya perchaya sahabat saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin ada masa-nya kita mengambil kes² harta pesaka kecil ini. Dan dalam penga-laman saya, apabila saya pergi ka-Pejabat Tanah, biasa-nya pegawai yang di-beri, yang di-suroh menjalankan urusan small estate ini ia-lah pegawai² yang muda². Ada kala-nya saya telah berhadapan dengan sa-orang pegawai yang baharu, mahasiswa yang baharu bekerja. Kasehan saya menengok-nya, kerana pegawai ini tidak mengerti satu biji butir pun apa perkara² yang akan di-binchangkan-nya, maka terpaksa-lah kerani di-hadapan saya pula menjalankan kerja ini.

Saya ingat molek-lah langkah di-ambil supaya pegawai² Kerajaan yang akan bekerja di-Pejabat² Daerah dan yang akan menguruskan pekerjaan sa-bagai Pentadbir

di-bawah Akta ini, di-beri kursus supaya mereka itu faham apa-kah Akta Pembahagian Harta Pesaka Kechil ini.

Saya sedar yang Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah ada banyak kerja-nya dan Pegawai Daerah yang biasa-nya banyak berpengalaman dalam perkara ini tiada masa hendak menguruskan pembahagian harta pesaka kechil di-daerah-nya. Biasa-nya di-serahkan perkara ini kepada pegawai² yang sunggoh pun mahasiswa² tetapi pegawai² yang muda.

Undang² ini bila kita baca, nampak senang hendak di-mengertikan tetapi with all humanity, bukan pula saya mengatakan bahawa profession saya ini satu profession yang istimewa, tetapi sunggoh pun saya sudah 14 tahun menjadi peguam, saya maseh lagi belum faham aspek² undang² ini. Maka terpaksa-lah loyar² membacha tidak putus² Malayan Law Journal kerana undang² sentiasa berubah. Jadi saya minta-lah di-ambil langkah² supaya satu kursus di-Petaling Jaya, atau di-mana yang ada Training Courses untuk pegawai² supaya perkara Akta ini di-masokkan sa-bagai satu daripada mata pelajaran yang di-ajarkan di-tempat pelajaran itu.

Sa-masa saya dudok mendengar ucapan Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi berkenaan dengan administration Akta ini, timbul fikiran kepada saya, tidak-kah molek kalau Akta ini di-serahkan kepada Sessions Court. Izinkan saya berchakap dalam bahasa Inggeris: the administration of this Act be given to the Sessions Court or Magistrates' Court, i.e. the Registry of these Courts. Barangkali ini boleh jadi satu jalan yang akan mengemaskan lagi perjalanan Akta ini. Di-dalam Sessions Court itu, President-nya ia-lah sa-orang peguam dan boleh jadi Assistant Registrar-nya pun orang yang tahu undang² juga. Saya perchaya, kalau kita serahkan perkara ini kepada Mahkamah Tengah, boleh jadi lagi bagus pengurusan Akta ini. Oleh kerana Pejabat² Tanah itu sudah terlampau banyak kerja²-nya, dan juga pada masa ini banyak mahkamah² baharu yang di-buka, saya perchaya pada masa yang akan datang lebeh banyak lagi mahkamah² akan di-buka, saya jangka tidak menjadi halangan, jika kita serahkan pengurusan Harta Pesaka Kechil ini kepada Mahkamah Tengah. Ini saya fikir chuma sa-bagai suggestion to be taken up for

discussion and for feasibility study. I do not say that it should be adopted because it just struck me when I was listening to Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin.

Lagi satu yang saya dapati dalam pengalaman saya sa-bagai peguam dan mengambil perkara² sa-macham ini, kebanyakan orang² desa ta' tahu ada-nya Akta Harta Pesaka Kechil ini. Jadi banyak kali harta si-mati itu hingga berpuloh² tahun tidak di-bawa ka-Pejabat Tanah supaya di-selesaikan. Tidak berapa lama dahulu suatu company di-Johor telah mengambil saya sa-bagai peguam dan company itu hendak membeli tanah² kerana indasteri dan banyak daripada tanah² kechil itu di-punyaï oleh orang² Melayu kita. Dan apabila saya siasat, saya dapati sudah berpuloh² tahun tanah itu maseh lagi dalam nama great grand-father mereka. Apabila saya hendak menchari, siapa-kah warith²-nya itu, ini telah memakan masa berbulan². Ada yang warith-nya itu telah mati, ada yang sudah ta' ada di-situ. Perkara ini, saya ingat memakan masa dekat sa-tahun, baharu-lah dapat di-selesaikan. Saya suka mengeshorkan supaya Akta ini di-hebahkan, kita gunakan Jabatan Penerangan dan apa² media Kerajaan supaya orang² di-desa tahu ada-nya Akta ini dan di-mana mereka mesti pergi. Kalau ikut chara saya, apabila sa-saorang itu mati, dan Penghulu dapat tahu, kita jadikan sa-bagai mandatory kepada Penghulu itu, dia mesti bawa perkara itu ka-Pejabat Tanah dan dengan serta-merta di-jalankan pembahagian harta pesaka si-mati itu. Tetapi saya perchaya Pejabat Tanah pada masa ini tidak boleh menguruskan perkara ini dengan kemas dan chepat, oleh kerana Pejabat Tanah sudah banyak pekerjaan-nya. Boleh jadi juga mereka memikirkan perkara ini kechil dan tidak berkehendak tindakan segera (immediate). Kata mereka perkara ini priority-nya very low.

Berbalek semula kepada shor saya supaya perkara ini di-serahkan kepada Mahkamah Tengah, atau pun Mahkamah Rendah untuk menguruskan-nya. Kerana dalam pengalaman saya, menjadi suatu perkara yang merunsingkan dan juga pada saya suatu perkara yang menyedehkan, menengok mereka dari desa datang ka-Pejabat saya untuk menguruskan perkara pesaka-nya dan ada kala-nya saya sa-bagai Peguam terpaksa juga menjalankan, tetapi pekerjaan yang mesti kita buat atas perkara yang kechil itu

memakan masa yang banyak. Saya berharap Yang Berhormat Peguam Negara akan menyasat dan memikirkan, apa-kah charanya yang boleh kita uruskan Akta ini dengan tegas dan dengan chepat. Terima kaseh.

Dato' S. O. K. Ubaidulla: (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, I compliment my friend Y.B. Senator Kamarul Ariffin for having taken time out to go into the library to read the history of the Small Estates (Distribution) Bill. As he said, I was one of the members of the Select Committee on the Small Estates (Distribution) Ordinance of 1955. All the problems which he so vividly explained before this House were also very much in our minds.

Excessive fragmentation of estates is a waste to the owners and a colossal waste to the nation. All those estates that have been fragmented into small pieces are not economical to cultivate or to plant. As a result, Sir, today we have thousands and thousands of acres of land left uncultivated and unplanted in the country. We, as an ambitious and hardworking nation, should not leave these thousands of acres uncultivated and thereby deprive one of the rich sources of wealth production in this country. But, Sir, this is all right. But the problem has some built-in difficulty. Land being a State matter, everytime we examined this case we came to this snag; this is a State matter; it is a matter for the Ruler in Council; it is for them to tackle it. This is why even the 1964 Committee could not come to any decision. Sir, I still very well remember the words of our Deputy Prime Minister, the Honourable Tun (Dr) Ismail. "I am very much concerned and we cannot allow these millions of acres uncultivated in our country. We should find some solution".

Sir, after hearing Tun (Dr) Ismail, if my memory is correct, I went with some solutions to him as a member of the Committee the next day. I have not forgotten the solutions that occurred to me, and I would like to repeat them again.

Islamic law gives the right to inherit not only to the man but to the woman and also to the wife. She inherits property from her ancestral property, that is from her father and mother, but when she is married she also inherits the property of the husband, that is $\frac{1}{8}$ th of the property. So this right which the

religion gives cannot be denied. Any law that insists on any other way, other than free distribution, is against the laws of the religion. But, Sir, a State Government can persuade people within the limits of the law to come to some reasonable, logical understanding by which the right of the man to inherit and to enjoy the benefits cannot be denied. For instance, Sir, if six children of a family including the mother inherited a house, will they cut that house into seven pieces? They must come to some reasonable arrangement by which one of them will buy the house from the others. Sir, if they inherited a car, will each one of them take a wheel and go away? If they inherited a cow, will they cut it up into pieces? They will always come to some understandable arrangement by which all the rest of them will sell to one and he will, in return, give cash for the benefit that is inherited.

Sir, similar arrangements also can be done to land. If six children plus the mother inherited two acres of land, if you fragment it, it will come to such small pieces that it will not be economical for any one of them to cultivate that land. So I said to that Committee, Sir, and I gave these four alternatives. One of them was to insist on the several owners of small estates to sell to one of the owners—it must be a reasonable one. If the Government by legislation would tell them "Look, you cannot fragment an estate which is so small into several pieces and thereby leave the land uncultivated and thereby see the national revenue reduced", they will have to come to some reasonable workable arrangement. Or, Sir, alternative two, nominate one of them by consent to cultivate the land; all five of them jointly nominate one person and tell him, "you cultivate these two acres of land, you plant these two acres of rubber and we share the benefits". Or cultivate on a yearly rotation basis by all the six children—in 1970 one man cultivates, in 1971 another man, in 1973 yet another man and so on—this is alternative cultivation on a yearly basis. If you do not agree to all the three, let the Government appoint an Agency called Fragmentation or Small Estates Cultivation Agency, which will cultivate on a co-operative basis. In each District if there are so many small estates, this Government Agency will be the one to whom these people will give their land; this Agency will cultivate and the produce will

be sold and the cash will be distributed to these people.

Sir, I again appeal to the Government to save this colossal national waste of thousands and thousands of acres of land which are being fragmented into small estates, and it is no use to the owners and no use to the nation.

Sir, I hope our resourceful Honourable Attorney-General, who has always a fertile imagination to offer, would be so kind enough to persuade the Cabinet to legislate on these lines so that the owners of the small estates can take one of these alternatives. Very wide alternatives are given to them: cultivation in rotation; or give it to one to cultivate; or sell it to one who is one of your kith and kin; or give it to an Agency to cultivate on a co-operative basis. This is my humble plea again, Sir, after 17 years. In 1955 the Britishers were ruling; now the people and the peoples' popularly elected leaders are ruling the country. In the interest of the nation, in the interests of our economic development, a legislation can be legislated. Thank you very much.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini dan suka saya hendak memberi pandangan saya dalam masalah ini. Hari ini kita sedang berbahath berkenaan dengan undang² untuk menyelesaikan harta pesaka yang kecil yang mana pada masa dahulu sa-kadar \$10,000 dan sekarang di-tambahkan lagi jumlah itu.

Tujuan Kerajaan mengadakan undang² ini bagaimana kata Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin semenjak tahun 1955 lagi ia-lah sa-mata² kerana hendak mencepatkan kerja menyelesaikan pusaka² kecil ini. Ini-lah matlamat Kerajaan dalam melaksanakan dalam mengadakan undang² yang sa-umpama ini dalam tahun 1955 lagi dan saya maseh ingat kalau tidak salah saya dalam tahun 1955 juga ada satu undang² lagi ia-itu undang² untuk menyelesaikan masaalah² sempadan² tanah yang juga pada masa itu menjadi masaalah yang besar bagi ra'ayat negara ini, ia-itu satu undang² yang di-panggilkan undang² Penyelesaian Tanah.

Kedua, undang² ini ia-lah undang² yang mengenai ra'ayat, ra'ayat di-kampung, ra'ayat yang memegang harta² yang kekal di-kampung². Pada masa itu dalam tahun 1955 saya sa-bagai Ahli Majlis Undang

Persekutuan yang meluluskan undang² itu kita telah menghadapi dua masalah besar ia-itu boleh di-katakan kebanyakan tanah² yang di-kampung² tidak tentu sempadannya, banyak tanah² tidak mempunyai geran yang betul dan sempadan yang betul. Jadi terpaksa Kerajaan mengadakan satu undang² untuk menyelesaikan masalah ini dan Kerajaan mengadakan satu undang² yang sa-umpama ini ia-itu menyelesaikan pesaka² yang tidak di-selesaikan.

Kedua² undang² ini di-buat dalam tahun 1955, tetapi apa yang saya tahu Undang² Penyelesaian Tanah itu sa-telah di-luluskan oleh Kerajaan maka Kerajaan mengadakan kumpolan² pekerja yang di-buat sa-bagai team yang bergerak dari satu daerah ka-satu daerah dengan peruntokan wang yang chukop untuk menyelesaikan tanah di-bawah undang² itu dan sa-hingga bagaimana yang saya tahu di-negeri Kelantan boleh di-katakan hampir kesemua tanah yang ada dalam negeri Kelantan ini telah selesai dengan pelaksanaan undang² yang ada itu dan saya rasa negeri² lain bagitu juga, bukan sahaja di-Kelantan negeri lain juga telah menyelesaikan dengan chara mengadakan team, Kerajaan Pusat mengadakan team bukan Kerajaan Kelantan yang saya maksudkan dan saya nampak Ahli daripada Kelantan senyum sahaja, berasa bangga dengan sebutan saya itu, sa-benarnya Kerajaan Pusat mengadakan peruntokan yang chukop dan memberi latehan kepada kumpulan² pegawai yang bergerak dengan chukop alat daripada satu kampung ka-satu kampung, daripada satu daerah ka-satu daerah yang dapat menyelesaikan kerja itu. Tetapi perkara penyelesaian undang², penyelesaian tanah ini tidak di-buat bagitu, tidak di-adakan satu peruntokan wang yang chukop, tidak adakan team pegawai yang chukop yang boleh bergerak daripada satu daerah ka-satu daerah. Pada hal-nya matlamat-nya sama. Kalau kita luluskan undang² ini pun pada hari ini, kalau tidak di-buat sama sa-bagaimana undang² penyelesaian tanah dalam pelaksanaan-nya saya rasa undang² ini tidak akan memberi kesan apa². Sa-bagaimana yang ada pada hari ini bagitu-lah berlaku beransor² dan perlahan² di-selesaikan, kerana kita berharap kepada Pegawai² Tanah sa-bagaimana Yang Berhormat Enche' Abdullah terangkan ia-itu A.D.O. umpama-nya atau pegawai muda yang ada di-Pejabat Tanah yang mana

mereka ini telah menghadapi masalah² yang banyak di-Pejabat Tanah, dan mereka ini tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam hal penyelesaian pusaka ini yang mana akan melambatkan juga tidak menyempurnakan maksud undang² ini.

Pada saya, perkara yang pertama sa-kali yang saya suka hendak mengshorkan kepada Kerajaan apabila Kerajaan meluluskan undang² ini hendak-lah Kerajaan mengadakan peruntukan yang cukup mengadakan team² yang cukup dengan alat² yang cukup yang boleh bergerak di-seluruh Malaysia ini bagi menyelesaikan pusaka² kecil ini. Sebab kalau di-naikkan harta pesakan kecil menjadi \$25,000 dia tidak boleh makan satu sen kerana tidak selesai. Orang kata dia ada duit, ada harta hendak makan pun susah, kerana harta itu dia tidak boleh hendak pegang, tidak boleh hendak milek, tidak boleh hendak gunakan. Ada sa-tengah² orang yang ada harta berpuluh ribu Mahkamah tidak dapat menyelesaikan pesaka dia, dia merempat di-tengah jalan, harta ada tetapi menjadi miskin dan papa di-tengah jalan kerana Mahkamah tidak dapat menyelesaikan harta pesaka yang ada itu. Ini ada-lah masalah ra'ayat, masalah mereka orang ramai juga di-kampong.

Satu lagi masalah pesaka kecil ini bagaimana yang di-terangkan oleh rakan saya Dato' Ubaidullah, selalu-nya perkara ini tidak boleh selesai kerana tidak dapat persetujuan antara beberapa pihak yang menguasai pesaka itu. Sa-tahu saya kalau orang kampung ini-lah perkara yang besar. Kalau dia bergaduh harta pesaka \$50 atau pun \$100 yang dia habis \$1,000 dia rela habis wang lain untuk hendak ajar hendak tunjukkan kekuatan-nya untuk merebutkan tanah yang begitu kecil, pakai dengan lawyer-nya dan sa-bagai-nya. Ini sudah menjadi satu masalah manusia, satu perasaan manusia yang kita susah hendak hadapi. Jadi manusia ini bila dia marah, apa sahaja yang ada di-hadapan-nya dia tidak peduli, kalau dia marah, biar mati pun, dia rela. Ini perkara yang payah kita hendak selesaikan. Kita mesti chari jalan chara mana hendak menyelesaikan ini.

Satu daripada jalan yang saya nampak yang boleh kita selesaikan hampir sama dengan Dato' Ubaidulla, tetapi lain sedikit chadangan saya. Kita hendak-lah menubuhkan satu badan yang mempunyai kuasa yang

pertama kuasa mentadbirkan tanah² pusaka yang tidak selesai ini.

Yang kedua, membolehkan bagi membayar harga umpama-nya kalau 3 pihak tidak selesai, tidak dapat hendak menyelesaikan, maka badan ini boleh membayar wang dan wang itu boleh di-bahagi²kan dengan pihak yang berkenaan dan badan ini akan berjalan di-atas dasar untuk kemajuan agama Islam dalam negeri ini. Adakan satu tabong, sebab biasa-nya kalau orang Islam, kalau harta pesaka, kalau masuk pada satu tabong yang boleh membuat kebajikan untuk agama, dia rela dan sanggup, tidak apa-lah kita tidak payah Kerajaan ambil masukkan ka-dalam satu tabong dan tabong itu untuk memajukan agama Islam. Ura² baharu² ini, saya dengar bunyi²-nya ada badan Islam yang chuba hendak menyatukan beberapa badan di-Sabah dan Sarawak dan sa-bagai-nya untuk di-jadikan satu badan untuk penyebaran agama Islam, kemajuan Islam dan sa-bagai-nya. Saya rasa kita jadikan badan yang sa-umpama ini Kerajaan tubuhkan dengan ada-nya kuat-kuasa yang boleh champor tangan dalam masalah penyelesaian Pusat² Islam. Kalau ada empat lima perkara yang tidak selesai, maka dengan ada-nya badan ini, kita boleh bayar untuk menyelesaikan, ambil wang, kita bahagi²kan; sekarang ada Badan Baitulmal, Majlis Ugama dan sa-bagai-nya, tetapi badan ini tidak berkuasa hendak mengambil aleh harta² dan sa-bagai-nya, melainkan mengikut chara², atoran dan sa-bagai-nya. Saya rasa badan pesaka ini mustahak. Sebab ini perkara mengenai keseluruhan ra'ayat di-Malaysia ini dan kalau-lah dapat kita tubuhkan satu badan yang sa-umpama ini, maka badan ini menjadi satu lagi badan ekonomi orang² Islam kita yang akan menjadi satu tabong yang kuat yang boleh memajukan ekonomi orang Islam bagaimana Kongres Islam di-adakan dan sa-bagai-nya, maka ini-lah perlu di-adakan satu badan yang boleh mengambil tahu hal penyelesaian dalam masalah pesaka kecil ini yang menyentoh orang² Islam dalam negara kita ini.

Ini-lah yang saya nampak benda yang boleh kita lakukan dan kalau-lah ada badan yang sa-umpama ini boleh champor tangan dalam masalah² ini, saya rasa, kita boleh menyelesaikan dengan sa-berapa chepat. Umpama-nya satu team pergi ka-kampong, kumpulkan pihak² yang berkenaan, bila

tidak selesai, maka team itu telah meminta Kerajaan mengadakan satu badan yang tidak payah boleh di-biharakan atas tanah itu. Kita boleh bayar dari wang awam, dan tanah itu di-serahkan kepada badan yang ber-berkenaan. Ini boleh kita mempercepatkan kerja dalam penyelesaian ini. Apa juga bahathan yang kita buat pada hari ini kita perlu ingat yang matlamat kita ia-lah untuk mempercepatkan penyelesaian dalam masalah pembahagian pesaka kechil ini. Itu-lah sahaja. Terima kaseh.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang di-kemukakan oleh Peguam Negara. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendengar perbahathan bagitu hebat mahu pun dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara. Segala perbahathan² yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat di-Dewan Negara pada hari ini pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat di-selesaikan. Saya sudah berfikir panjang, Tuan Yang di-Pertua, chuma satu jalan sahaja yang boleh menyelesaikan perkara ini. Tiap² orang yang ada mempunyai tanah sama ada luas-nya kechil atau besar ia-itu sebelum ia-nya meninggal hendak-lah mereka itu membuat wasiat ia-itu menentukan tanah² itu di-beri kepada siapa². Dengan chara sa-macam ini tidak payah lagi kita memberikan tanah itu di-kechil²kan dan di-beri kepada si-anu, si-anu bagitu. Jadi dengan chara yang macham ini

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Boleh bagi yang bukan Islam—orang Islam tidak boleh mengikut hukum shara' lebeh daripada 1/3, ada juga baki 2/3 masuk small estate, adakah hendak di-bahagi?

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang di-katakan oleh Peguam Negara tadi, tetapi sa-belum lagi saya habis sudah di-jawab oleh Peguam Negara. Saya faham berapa yang patut di-beri kepada orang itu tadi. Jadi Peguam Negara sendiri telah menjawab sa-tengah daripada yang saya chadangkan di-kemukakan yang baki itu tadi. Ini satu chara jalan lain yang kita boleh membuat-nya, ia-itu kita katakan tadi ada sa-tengah² Ahli² Dewan Negara mengatakan tanah ini apabila sa-saorang itu meninggal akan menjadi fragmentation atau di-belah²-

kan. Jadi ini tidak dapat di-elakkan, kerana, Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah daripada itu ada tanah² yang kechil yang terpaksa di-belah-bahagi oleh sebab di-ambil oleh Kerajaan untok membuat jalan. Perkara yang sa-macam ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak berlaku di-serata tempat kadang² tanah itu sunggoh pun ada mempunyai sempadan, tetapi dahulu²-nya orang tua² dahulu tidak ada batu sempadan, hanya berharap daripada pokok² yang di-tanam sa-hingga bergadoh², berbunoh²an pun ada berlaku perkara sa-macam ini.

Saya ada-lah menyokong sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat tadi ia-itu Yang Berhormat Tuan Abdullah ia-itu perkara ini di-selesaikan di-Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi supaya melaksanakan dengan sa-berapa segera dengan menerusi Penghulu² sa-makin chepat perkara itu di-jalankan oleh Penghulu² kepada Pejabat Tanah dan di-bawa perkara itu ka-Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi. Maka dengan itu-lah chara-nya yang boleh melekaskan segala penyelesaian berkenaan dengan tanah pesaka ini. Terima kaseh.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² yang di-hadapan kita ini merupakan pindaan kepada undang² yang telah lama kita buat pada tahun 1955. Sa-telah meneliti undang² ini saya nampak maseh primitive chara kita menyediakan undang² di-dalam zaman orang Melayu akan mengejar kemajuan yang sa-hebat²-nya dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap dengan menyebut orang Melayu dengan kerana Rang Undang² ini boleh di-katakan sa-chara langsung melibatkan orang² Melayu dan bumiputra, kerana mereka-lah kebanyakannya merupakan, pemilek² harta yang kechil yang dudok di-luar bandar yang selalu menimbulkan keadaan² kachau, baik dari segi sosial, mahu pun dari segi keluarga sendiri, apa-tah lagi dari segi ekonomi oleh kerana keadaan² yang telah berjalan sa-lama ini. Tetapi bagaimana pun, apabila kita menyebutkan tanah, dia ada-lah State matter, masaalah Negeri², tetapi Perlembagaan Persekutuan telah menyebutkan tentang menubuhkan dan berikhtiar menyatukan pentadbiran tanah di-mana boleh di-tubuhkan Majlis Tanah Kebangsaan, dan hal ini boleh membawa sadikit demi sadikit kepada Kerajaan Persekutuan champor tangan ka-arah

penyatuan dalam pentadbiran undang² dan perlaksanaan. Sunggoh pun begitu, dalam Rang Undang² ini yang berasaskan kepada tahun 1955 maseh mengaku² dan menghormati perbezaan² yang wujud seperti terchatet mengenai undang² native dan kaedah² pusaka di-Negeri Sembilan yang sa-bahagiannya ternyata bertentangan sama sa-kali dengan ugama Islam yang menjadi ugama kepada mereka di-Negeri Sembilan itu sendiri. Saya tidak mahu menyentoh soal adat mereka, tetapi saya mahu menyebut peperangan yang berlaku di-Minangkabau sendiri dalam kurun yang lalu di-antara gulungan baju putih dan baju hitam ia-lah peperangan gulungan ugama yang ingin mengajak manusia yang telah berugama Islam mengikut seluroh-nya ajaran² Islam.

Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang menjadikan Islam sa-bagai Ugama Rasmi yang mana kita dengan kuasa Perlembagaan sedikit demi sedikit dapat berusaha ka-arah menyatukan pentadbiran tanah sa-patut-nya berikhtiar ka-arah itu supaya semua-nya selaras bagi kepentingan ra'ayat di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya ingin menyentoh beberapa fasal dalam Rang Undang² ini, akan tetapi sa-telah mengikuti ucapan² yang telah di-buat, terutama rakan saya yang di-sabelah kiri ini dengan hujah² beliau serta pengshoran beliau supaya perkara ini di-bawa atau di-tubuhkan sa-buah Surohanjaya mengkaji lebeh lanjut, maka saya tidak perlu mengulangi apa yang telah di-bicarakan itu.

Kemudian saya mengikuti apa yang telah di-sebutkan oleh sahabat saya Tuan Kamarul Ariffin dengan hujah² yang sangat membena dan begitu juga daripada Yang Berhormat Tuan Abdullah yang semua-nya itu membuatkan saya merasa tidak perlu mengulang lagi, tetapi meminta supaya Kerajaan memberi perhatian yang chukop berat kepada ucapan² yang telah di-kemukakan oleh mereka semua, kerana persoalan dihadapan kita di-dalam zaman kemajuan ini tidak sa-kadar tanah, tetapi dia meliputi harta² lain yang sedang berlaku dan mungkin berlaku pada masa depan oleh kesedaran ra'ayat yang sedang kita pupok dari sekarang ini seperti yang telah di-kemukakan tadi soal saham, wang simpanan dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ada perasaan² dan kelohan² daripada sa-bahagian orang bahawa kemerosotan orang² Melayu kelumpuhan ekonomi Melayu ada-lah bersebab dan berpuncha daripada Undang² Islam yang di-amalkan di-tiap² negeri, khusus-nya di-dalam soal pesaka ini. Pembahagian pesaka yang begitu meluas mendatangkan pembahagian kechil² yang tidak mendatangkan faedah ekonomi sama sa-kali telah menyebabkan kerugian yang amat besar bagi orang² Melayu sendiri dari segi ekonomi. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah soal masharakat, soal umat, soal bangsa dan soal negara. Dia mesti di-beri perhatian oleh negara bagi kepentingan negara dan bangsa itu sendiri.

Sa-belum saya pergi lebeh jauh, mengemukakan pandangan² saya, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untok memberi sedikit pandangan berdasarkan cherita pendek, amalan daripada perlaksanaan Hukum Islam bagi kepentingan negara dan bangsa untok menjadi asas kepada kita berfikir dalam apa yang saya akan kemukakan kemudian daripada ini. Saya ingin mengemukakan ini supaya tidak sa-lama²-nya orang meletakkan kelumpuhan dan kejatohan ini kerana ajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Al-Qur'an ada ayat yang menerangkan dengan chukop jelas dan terang dan di-praktikkan oleh Nabi Mohamed S.A.W., ia-itu ayat yang berhubong dengan harta rampasan perang. Di-terangkan di-sana: Mereka itu bertanya engkau tentang harta rampasan di-dalam peperangan. Maka di-beri huraian, hak-nya bagini. Tentera yang berkuda, tentera yang berjalan kaki dan sa-bagai-nya mendapat pembahagian² bagini. Hal ini di-amalkan dengan sa-baik²-nya berpuluh² tahun sahingga wafat Nabi Mohamed S.A.W., berganti dengan Khalifah yang pertama, Abu Bakar Al-Sidek dan kemudian berganti dengan Khalifah Omar ibni-Khatib. Sa-waktu daerah kekuasaan umat Islam telah begitu luas. Mereka telah menumpaskan kekuasaan Parsi di-zaman itu. Mereka telah mengusir seluroh kekuasaan Rome dari Tanah Arab dan kuasa Rome telah berpindah ka-Mesir. Banyak tanah² rampasan dan harta-benda yang telah di-tinggalkan oleh orang² kaya Rome dan orang² Kristian Arab yang melarikan diri bersama Tentera Rome di-kawasan yang di-ta'aloki, maka timbul-lah perasaan yang

chukop gembira pada kalangan tentera yang berperang waktu itu kerana mereka boleh mendapat pembahagian harta rampasan ini yang berupa tanah² subur, yang dapat ditanam apple, limau dan sa-bagai-nya di-kawasan Sham atau daerah Lebanon-Palestine dan Syria sekarang ini.

Hal ini di-kemukakan kepada Khalifah Omar. Lantas beliau memanggil semua Ahli² Meshuarat daripada Ketua² Kaum, Ketua² Puak di-kalangan Arab Islam di-waktu itu lalu bersidang, maka beliau menyatakan kedudukan bagini. Beliau mengeshorkan: Sekarang kekuasaan Islam telah begitu meluas dan kita baharu sahaja mengalahkan Rome, satu kuasa besar dunia, yang sudah tentu akan menyerang kembali kerana mereka maseh berada di-Mesir.

Pada pandangan beliau sa-bagai Khalifah, tanah² ini tidak sa-patut-nya di-beri kepada tentera yang berjuang. Kalau di-beri bererti tentera ini akan meninggalkan padang pasir berpindah ka-tanah subur, mengurangkan penduduk di-sini, menambahkan penduduk di-sana. Yang kedua, tanah ini kalau di-beri kepada mereka, bagaimana keadaan negeri kita yang kita mesti kawal daripada bahaya serangan balas daripada pehak Rome, di-mana kita mesti mempunyai tentera yang sentiasa berjaga pada sa-tiap masa daripada serangan² Rome yang mesti datang kembali. Maka beberapa fikiran telah keluar. Kesimpulan-nya Omar memberikan pandangan-nya. Beliau sukachita hendak mengeshorkan supaya tanah² ini di-kembalikan kepada orang² yang ada di-sana dan di-kenakan chukai, chukai² tanah. Kemudian daripada chukai² ini dapat di-gunakan wang itu untuk membayar gaji kepada tentera yang boleh menjaga daerah dan kawasan itu daripada bahaya serangan musuh. Dengan hal ini berlaku-lah pertukaran keadaan daripada Tentera Sukarela Islam yang tidak bergaji mulai menjadi tentera di-bayar gaji dan Omar tidak melaksanakan ini dengan satu kaedah seperti yang telah saya sebutkan tadi, sa-sudah mendapat persetujuan asas daripada Ahli² Meshuarat yang mengawakili Ketua² Khabilah, puak² di-zaman itu beliau lalu memanggil satu perwakilan lagi ia-itu kalangan sahabat² Nabi yang maseh hidup, yang mula-nya berpindah daripada Mekah ka-Madina, meminta pendapat dan fikiran. Akhir-nya di-persetujukan fikiran Omar itu. Ini bererti sistem Parlimen telah di-ujudkan

1,400 tahun dahulu, dua rumah—Upper House dan Lower House telah berjalan didalam zaman Omar Ibni-Khatib, walau pun tidak di-bangunan seperti ini, sudah berjalan beribu tahun dahulu oleh pelaksanaan Islam dan keputusan-nya di-ambil.

Ini bererti terang², kalau kita pandang dari segi mata kasar bertentangan dengan ayat Al-Qur'an tadi, yang telah membahagikan hak² ahli tentera yang berperang mendapat bahagian daripada rampasan perang, tetapi ini ada-lah muslihat negara. Berdasarkan ini Meshuarat boleh membuat keputusan-nya bagi kepentingan negara dan ra'ayat itu sendiri, maka kita mempunyai Ugama Islam, ugama yang flexible, kita dapat menggunakan-nya dalam semua zaman. Dan Ugama Islam ini, jangan-lah kita jadikan alasan bahawa kerana Islam-lah kita jadi bagini. Tidak kerana Islam, tetapi kerana interpretation kita yang menyebabkan kita menjadi bagini. Tuan Yang di-Pertua, demikian cherita itu.

Dalam hal yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kuasa² membuat undang². Parlimen boleh berkuasa membuat undang², walau pun kuasa Kerajaan Negeri dalam soal tanah. Perlembagaan menyebutkan soal tanah boleh di-bawa kepada Majlis Tanah Negara yang telah pun di-tubuhkan berpuluh² tahun lama-nya mengikut kehendak² Perlembagaan dan perkara ini boleh di-selesaikan dan hal ini boleh digunakan pengaruh bagi mendapat sokongan dari semua negeri untuk melaksanakan rancangan yang sa-baik²-nya bagi muslihat ra'ayat dan bangsa dari segi ekonomi dan kemasyarakatan dengan undang².

Saya tidak fikir yang Kerajaan berasa terlalu susah untuk membuat satu perkara yang tidak berlawanan dengan ajaran Islam bahkan baik bagi kepentingan ra'ayat, khusus-nya umat Islam dalam membuat undang² yang menghadkan, batas luas tanah yang serendah-rendah-nya yang tidak boleh di-pechahkan lagi. Kita boleh buat undang². Kalau Kerajaan berani membuat satu undang² yang di-namakan Undang² Keselamatan Dalam Negeri, yang boleh menahan orang sa-lama dua tahun dengan tidak payah bichara, membiarkan anak² menderita di-luar, membiarkan isteri-nya menangis di-luar, membiarkan dia kempunan dalam, entah teringatkan isteri-nya tiap² malam, semua-nya Kerajaan boleh buat.

Kerajaan boleh membuat undang² yang menghadkan kebebasan bersuara, merampas hak asasi manusia. Mengapa tidak boleh membuat undang² dan mempengaruhi Kerajaan² Negeri supaya membuat satu undang² yang boleh membela nasib ra'ayat dan kemudian daripada itu kita tidak lagi menyatakan Islam-lah yang menyebabkan kita jadi bagini.

Tuan Yang di-Pertua, ini boleh di-buat. Saya tidak mahu berchapak terlalu banyak dalam hal ini, saya rasa apa yang telah di-chakapkan oleh sahabat² saya tadi sudah banyak untok menjadi pertimbangan Kerajaan. Saya hanya mahu mengemukakan perkara ini dengan kesungguhan bahawa sa-nya hal ini boleh di-pechahkan dengan peratoran Islam, kerana ada kaedah² Politik pertad-biran Islam di-samping Undang² Islam yang berasaskan Qur'an dan hadith. Sekian, terima kaseh.

Tuan Ibrahim bin Haji Ya'acob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini dan suka menyampaikan rayuan² ra'ayat di-kawasan saya. Saya selalu mendapat tahu ia-itu tiap² kali orang yang mengambil harta pesaka akan memakan masa yang sangat panjang dan ada juga sampai bertahun². Untok membereskan perkara ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya menambahkan kaki-tangan² pejabat yang chekap khas-nya di-negeri Selangor, kerana kebanyakan orang² menuntut harta pesaka ini ia-lah di-Selangor. Dengan ada-nya kaki-tangan² yang bijak di-pejabat itu, maka sa-paroh dari kaki-tangan² itu boleh-lah pergi ka-Pejabat Tanah berjumpa dengan Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah mengenai hal-ehwal menuntut tanah pesaka. Dan bagitu juga dengan harta² yang lain. Kaki-tangan² pejabat ini boleh pergi ka-pejabat² yang berkenaan. Pada masa ini kaki-tangan² pejabat² itu tidak menchukopi maka terpaksa-lah perjalanan surat menyurat di-antara satu pejabat dengan satu pejabat, maka ini-lah yang memakan masa yang panjang. Ada kala-nya sampai dua tahun dan tiga tahun. Ini menyusahkan warith² yang miskin.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya patut menyampaikan juga apa yang berlaku di-kawasan saya ia-itu berkenaan dengan harta pesaka wang simpanan di-

dalam EPF. EPF pada pendapat saya, patut-lah memereksa nama² warith di-pejabat itu. Sebab ada satu perkara yang berlaku di-kawasan saya di-Batu di-tempat saya sendiri, sa-orang pekerja Wilkinson Process Rubber Company Ltd. Nama beliau ia-lah dia Enche' Bahrom pencharum kapada EPF tetapi pada masa itu nama warith-nya ia-lah ibu-nya sendiri. Dengan takdir Illahi dia telah balek ka-kampong-nya di-Melaka dan sampai ajal-nya dia telah meninggal dunia di-Melaka. Beliau ada mempunyai sa-orang isteri dan 8 orang anak yang kechil², maka apabila beliau ini meninggal dunia, ibu-nya ini, beserta rakan-nya yang lain terus pergi ka-Pejabat EPF bertanya, ada-kah anak-nya ini yang bernama Bahrom menyimpan wang di-dalam EPF dan siapa warith-nya. Pejabat EPF dengan tiada menyiasat lagi sama ada Enche' Bahrom mempunyai isteri dan anak. Dia tengok fail Enche' Bahrom maka di-dapati di-dalam fail itu warith-nya ia-lah ibu-nya, maka terus-lah di-berikan wang itu lebeh kurang \$2,000. Ibu-nya pun balek ka-Melaka dengan hati yang girang, gembira. Kemudian isteri-nya pun datang berjumpa saya, saya pun terus menulis surat kapada EPF bertanya berkenaan dengan wang ini. EPF telah memberi tahu dengan satu surat yang di-tulis dalam bahasa Inggeris, dan jawapan-nya saperti berikut:

"With reference to your letter dated 3rd May 1972, I wish to inform that the payment has been made to the registered nominee on 20th April, 1972."

Ini bagi isteri-nya tadi melepas tidak ada-lah dapat satu sen pun. Jadi itu-lah satu perkara yang patut kita timbangkan - Kerajaan patut-lah memberi arahan kapada EPF supaya pekerja² yang menyimpan wang di-EPF itu di-tanya siapa-kah warith yang sa-benar-nya. Itu-lah sahaja ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, patut Kerajaan membanyakkan kaki-tangan² yang bijak di-Pejabat Harta Pesaka dan berkenaan dengan EPF, patut-lah di-kaji sa-mula, siapa-kah warith² khas-nya kapada orang yang ada mempunyai isteri dan anak. Sekian, terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.45 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Tuan Wong Seng Chow: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, in fact I was not going to speak on this Bill, but there is something which I wish to clarify arising out of Yang Berhormat Tuan Amaluddin's speech when he said that the Small Estates (Distribution) (Amendment and Extension) Act in fact only applied to the Malays and the Bumiputras, or the Malays and Bumiputras are mainly affected. A lot of the non-Malays are affected under this Small Estates (Distribution) (Amendment and Extension) Act as well. The only difference is that the non-Malays, as pointed out by the learned Attorney-General, are not restricted by any of the adat and that they are able to will away their properties.

The other point which I wish to bring up is that now with the increase of the value of the small estates from \$10,000 to \$25,000, a lot of people would in fact be benefited by this, in the sense that they would not have in the normal course in applying for letters of administration or probate to wait for an inordinate time for the assessment of estate duty. However, other people now would be affected by the delay in assessing estate duty, in cases of \$25,000 and above, and in the normal run of cases, somehow or other, the Estate Duty Office seems to take an extremely long time in assessing the estate duty on the estate of a deceased person. I would urge the Government to look into this problem and perhaps to find a solution to this, as in most of the smaller estates not many of the beneficiaries have cash in hand and any delay incurred causes extreme hardship.

The other point is the question of interest which the Estate Duty Office imposes after they have made an assessment from day to day and insist on immediate payment when people cannot make it. The Government should look into the hardship of the people affected, because in normal cases if the Estate Duty Office takes perhaps a year to assess what is due to the Government, then perhaps an equal time should be given to the people to settle what is due to the Government. Thank you.

Tuan Shaari bin Jusoh: Dato' Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang² (Pindaan) yang telah di-kemukakan oleh Peguam Negara yang mana saya percaya membawa kebaikan kepada ra'ayat.

Di-samping itu, Dato' Yang di-Pertua, mengikut pendapat saya ada beberapa perkara yang patut pehak Kerajaan Pusat mengambil tindakan sa-bagaimana yang telah dikatakan oleh sa-tengah daripada Ahli² Yang Berhormat tadi bahawa undang² tanah ini kerap kali di-jalankan oleh Kerajaan Negeri, tetapi kalau kita dapati satu² perkara itu ta' bersesuaian, maka patut-lah Kerajaan Pusat yang kita percaya sa-bagai yang tertinggi sa-kali mengambil tindakan, atau mengambil champor-tangan supaya perkara itu boleh diselesaikan. Saya berasa dukachita berkenaan dengan tanah sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh kebanyakan daripada Ahli² Yang Berhormat tadi seperti Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin, Yang Berhormat Tuan Abdullah daripada Johor banyak-lah perkara² yang menjadi kerumitan, termasuklah di-tempat saya sendiri. Saya berpendapat undang² ini patut kita pinda daripada yang ta' baik kepada yang baik. Tetapi yang paling mustahak sa-kali ia-lah amalan kerana dalam amalan tanah sa-lain daripada undang², adat resam juga membawakan satu masalah tanah yang payah hendak di-atorkan. Sa-bagaimana yang kita dapati mengikut adat resam orang Melayu, bila sa-orang mati, maka berhak-lah siapa yang tinggal seperti anak-nya dan sa-bagai-nya untuk mendapat harta pesaka, tetapi malang-nya sa-lepas baba-nya itu mati beberapa lama kemudian, harta pesaka itu ta' di-berikan lagi, kechuali kalau-lah ada satu² masalah tanah itu hendak di-jual atau hendak di-ambil oleh Kerajaan untuk membuat jalan² raya dan sa-bagai-nya. Kalau tidak kadang² sampai beberapa keturunan. Katakan-lah sa-orang bapa mati dengan meninggalkan 4 orang anak, maka 4 orang anak itu mati pula dengan ta' di-ambil lagi pesaka. Di-champor semua sa-kali, keluarga itu mempunyai 18 orang chuchu. Kapada 18 orang chuchu itu beranak lagi, ta' di-ambil lagi pesaka. Kadang² kita tengok sa-keping tanah yang luas-nya 3 relong hendak di-berikan kepada 3 orang anak-nya yang patut mendapat hak, tetapi terpaksa di-banchi oleh Pejabat Tanah dalam sa-buah kampong sampai penoh Dewan Orang Ramai hendak membinahangkan perkara itu, oleh kerana tiga orang ini yang menuntut harta

daripada si-mati itu yang ta' di-ambil sampai berpuluh² tahun. Ini di-ibaratkan sa-bagai membawa satu perkara yang chukop payah akan di-kerjakan oleh Pejabat Tanah.

Yang kedua-nya, saya berpendapat sa-bagaimana kata Yang Berhormat Tuan Abdullah daripada Johor tadi kita ta' menafikan kebolehan ada-lah syarat pertama, tetapi pengalaman juga kita ta' boleh nafi-kan. Kalau sa-orang dia ta' ada pengalaman, sa-kadar ada kebolehan dia ta' dapat buat sa-bagaimana kata Yang Berhormat Tuan Abdullah tadi sa-orang yang lulus pengajian tinggi, tetapi terpaksa di-kehendaki atau pun di-suruh kerani yang ta' berkebolehan tinggi daripada dia tadi membuat kerja, mengikut kata pepatah yang kita biasa dengar: Alah bisa tegal biasa. Walau macham mana pun, saya ta' menafikan kebolehan sa-saorang itu ta' ada yang ta' baik. Dan kita tengok dalam Dewan kita ini sendiri orang² yang biasa menjadi Ahli Dewan daripada tahun 1955 sudah-lah yang bijak pandai itu bijak tetap-lah bijak, yang ta' bijak pun saya ta' katakan mereka itu ta' bijak, saperti yang di-katakan lebeh awal lagi oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan. Saya ta' kata Yang Berhormat Dato' Nik Hassan ta' ada kebolehan, tetapi dari segi perchakapan kadang² kita sendiri tertanya² mengapa salah satu daripada kepandaian dia dan kebiasaan dia daripada tahun 1955 dia ta' ada menyinggong apa² perkara pun, dia berani mendengar dengan serta-merta. Bagi orang yang tahu, kalau dia ta' biasa kurang sedikit, apa-tah lagi kalau ta' tahu termasuk saya ini kerana saya ini chepat rasa tersinggong sedikit. Bagitu-lah juga dalam soal tanah. Yang rumit-nya kadang² macham di-Perlis saya ibaratkan. Tanah paya sudah selesai. Sa-orang pergi menjadi Pesuruhjaya Tanah di-Perlis. Agak² masalah tanah hendak selesai sedikit, hamba Allah itu sudah naik pangkat, pergi kapada Pejabat Setiausaha Kerajaan, pandai lagi dia di-hantar ka-Kuala Lumpur. Barangkali hendak pergi ka-Perlis kerana negeri itu kecil dan ta' boleh orang yang bijak pergi ka-sana termasuk Peguam Negara yang pada masa dahulu biasa menjadi Penasehat Undang² Perlis dan bukan kata Peguam Negara sahaja, ramai orang² yang pergi ka-Perlis ambil tempat yang agak panas sedikit, maka lari-lah dia ka-tempat lain dan agak² sudah hendak menyusahkan sedikit dengan keadaan yang rumit, hendak menye-

lesaikan perkara² rumit, terpaksa meninggal-kan Negeri Perlis.

Bagitu-lah hal-nya dengan Pesurohanjaya Tanah saperti Tuan Amaluddin Ujang dan Tan Sri Jamil Rais dan lain² lagi, saya ta' dapat hendak menyebutkan-nya satu persatu. Dia agak² benda itu hendak selesai, hendak beres, pegawai yang berkenaan kena tinggal-kan Negeri itu. Ini ada-lah salah satu dari-pada dua perkara.

Yang ketiga-nya, dalam perkara geran saperti yang di-katakan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi, perkara ini kita aku¹ kerana kita tahu sendiri daripada penga-laman. Kadang² dalam perkara geran tanah, mengikut adat resam orang Melayu kita dahulu, dalam soal pesaka saperti saya kata tadi ta' bagitu hendak mengganggu sangat sampai berketurunan, baharu-lah dia hendak mengambil harta pesaka. Yang kedua dalam masalah geran juta ta' di-ambil hirau sangat. Biasa pergi sa-orang yang masa dia hidup, dia kata kapada anak-nya, mithal-nya dia ada dua orang: Ambil habuan si-Husin mithal-nya daripada timor dua bahagian atau pun sa-takat pokok, saperti kata Ahli Yang Berhormat daripada Perak tadi tunjok pokok sa-takat ini, kemudian-nya daripada sa-takat pokok ini sa-hingga ka-sabelah barat ada-lah habuan si-Limat adek beradek. Wal hal pada hakikat-nya dia beri pesaka itu mengikut hukum shara'. Dua bahagian kapada si-laki² dan satu bahagian kapada perempuan, tetapi yang di-tulis tadi yang di-sabelah barat kapada perempuan dan yang di-sabelah timor kapada laki². Nasib baik-lah kalau mereka ini ta' berjual beli. Biasa berlaku kapada sa-orang hamba Allah dia beri habuan si-laki² yang dia faham dua bahagian hak laki² tadi dengan menunjokkan sa-takat pokok. Dalam geran tanah dia tulis sa-baha-gian untok laki² dan sa-bahagian lagi untok perempuan. Dengan takdir Tuhan perkara ini berthabit dengan Kerajaan. Kerajaan hendak tanah ini untok membuat batas dan sa-bagai-nya. Di-situ timbul-lah geran yang di-kehendaki oleh Kerajaan dapat-lah peni-puan yang si-pembeli tadi dia beri $\frac{3}{4}$, wal hal sa-bahagian daripada tanah berarti $\frac{1}{2}$ sahaja. Ini ada-lah kerana ta' tepat di-tulis dalam geran itu. Ma'alom-lah orang kita di-masa yang lepas ta' hiraukan sangat menge-nai kachau-bilau.

Dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, saya berharap sa-lain daripada Kerajaan

mengubahkan Rang Undang² untuk membaiki lagi berkenaan dengan harta pesaka, saya berharap pehak Kerajaan, kita bukan hendak memaksa, tetapi kalau untuk kebai-kan patut kita buat. Kalau sa-saorang si-mati hendak-lah di-minta oleh Kerajaan supaya si-warith tadi di-berikan hak-nya dengan serta-merta, jangan sampai beberapa keturunan baharu hendak di-berikan atau dengan satu² perkara, seperti yang saya kata tadi hendak ambil di-buat batas dan taliayer dan sa-bagai-nya. Kalau dengan jalan bagini, saya yakin baharu perkara tanah ini dapat di-selesaikan dengan baik, kalau tidak, kita terpaksa ubah undang² itu dan ini. Agak saya rumit-lah sedikit bagi saya yang berpengalaman sa-bagai orang kampung. Terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Mansor bin Mohamad: Dato' Yang di-Pertua, dalam Negeri Trengganu, Pembahagian Harta Pesaka Kechil ini di-panggil terekah kechil. Bila sa-orang warith atau keluarga yang berkehendakkan menyelesaikan harta pesaka yang di-tinggalkan oleh sama ada ibu-bapa atau pun lain²-nya, maka orang itu akan buat-lah yang di-panggilkan angkat terekah kechil. Dalam masaalah ini sa-bagai-mana yang telah di-terangkan oleh ramai di-antara Ahli² Yang Berhormat tadi ada-lah satu perkara yang sangat rumit dan sukar hendak di-pechahkan atau pun hendak di-selesaikan bagaimana-kah chara-nya perkara ini dapat kita memberi pertolongan yang betul² boleh memberi hasil atau pun faedah yang sempurna kepada warith² atau pun kepada mereka² yang berkenaan berhubung dengan pembahagian harta pesaka ini.

Tadi Yang Berhormat Enche' Ibrahim bin Haji Yaacob telah menyatakan di-Negeri Selangor ini ada yang memakan masa satu dua tahun, baharu dapat di-selesaikan sa-suatu perkara mengenai harta pesaka kechil ini. Itu alham dulillah saya kata sudah chepat benar. Kalau di-bandingkan dengan keadaan yang berlaku di-negeri saya, ia-itu di-Trengganu sampai 5-6 tahun, bahkan 10 tahun pun ada, dan ada kala-nya permohonan yang di-buat oleh sa-saorang warith itu sampai terus dia mati, ta' tahu hal-nya bagaimana, dan ta' di-panggil pun untuk perbicharaan; ini benar² berlaku. Jadi bagini-lah keadaan-nya sekarang dan ini barangkali bagaimana kata Yang Berhormat Tuan Amaluddin tadi perkara ini yang banyak yang mengenai dengan orang Melayu. Bukan maksud-nya kaum yang lain tidak ada kena-

mengena dengan pembahagian harta pesaka kechil ini, tetapi barangkali sudah menjadi kebiasaan kapada orang Melayu ini kurang mengambil berat dalam satu² perkara yang di-rasa-nya susah sadikit.

Jadi bila dia berasa susah sadikit sama ada pada masa itu betul² perkara itu susah, atau pun dengan sebab sengaja di-lengah²kan, atau kechuaian pegawai² dia pun terasa bosan hendak bersusah payah atas perkara ini. Dia diam begitu sahaja sa-hingga-lah perkara itu telah menjadi berlapis² ia-itu orang yang berkenaan ini meninggal, bagaimana kata saudara saya daripada Perlis tadi, timbul pada anak dia, anak juga tidak ambil hirau, timbul pula sampai ka-chuchu sa-hingga sampai berpuluh² chabang² yang terpaksa di-siasat, di-selidek untuk menyelesaikan satu² tuntutan. Jadi itu-lah sebab saya katakan tadi masaalah ini ada-lah masaalah yang sangat rumit dan sukar hendak di-selesaikan.

Dengan ada-nya undang² yang di-kemukakan di-Dewan ini pada hari ini saya perchaya insha' Allah perkara² ini akan dapat barangkali di-selesaikan dengan lebeh baik sedikit daripada masa² yang telah lalu. Saya tidak berani hendak mengatakan mesti dapat di-bereskan dengan serta-merta dengan adanya undang² ini kerana banyak sangat complication-nya bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua tadi sendiri. Ada kala-nya tanah yang di-tinggalkan oleh si-mati itu sa-keping sahaja sedangkan warith-nya yang hendak menerima 10 orang, maka 10 orang ini semua-nya masing² tidak mahu beralah—tidak mahu mengalah. Walau kita kata, kita panggil, pujok dia, baik-lah: tanah ini tolak kapada salah sa-orang dari yang 10 itu, maka semua sa-puluh orang itu mahukan tanah tersebut. Si-A kata, baik aku bayar kapada awak \$500 sa-orang, Si-B kata aku pun hendak bayar \$500. Kalau bagini keadaan-nya apa chara yang kita hendak buat tidak boleh di-laksanakan, sebab masing² mempunyai alasan hanya ini sahaja yang ada pada-nya, tanah pesaka itu. Kalau di-jual ambil duit, barangkali tidak berapa hari dia habiskan. Jadi solution-nya saya rasa, yang lebeh baik bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua tadi, barangkali adakan dengan chara compromise melantek salah sa-orang menjadi sa-bagai pentadbir

atau pun orang tengah terus sama ada daripada pehak Pejabat Tanah atau lain-nya untuk menolong pada mereka² bila tiba perkara yang hendak di-selesaikan itu, yang sa-belah ini sekian dan yang ini sekian. Dengan chara ini barangkali baharu-lah dapat pehak Kerajaan menolong sedikit sa-banyak kepada mereka.

Saya menyokong chadangan yang di-buat oleh Yang Berhormat Enche' Abdullah tadi, ia-itu perkara yang sa-umpama ini tolakkan sahaja ka-Mahkamah Rendah untuk menyelesaikan-nya, kerana mereka itu mempunyai pengalaman, pengetahuan dan alat² untuk menyelesaikan-nya. Saya menyokong ini, dengan syarat, ia-itu Majistret atau pun Yang di-Pertua² Mahkamah ini hendak-lah di-tambah bilangan-nya daripada yang ada sekarang. Kerana saya katakan demikian untuk pengetahuan Yang Berhormat Peguam Negara, di-negeri Trengganu maseh tidak cukup. Yang di-Pertua Mahkamah ini, ada sa-orang sahaja. Dia-lah sa-orang itu yang hendak bichara di-Jajahan Besut atau pun di-Kemaman, di-Dungun, di-mana² sampai tidak ada masa langsong. Ada kala-nya kes² itu memakan masa begitu lama bahkan kes² saman pun sampai dua tahun tidak boleh selesai, tidak dapat di-bicharkan. Bukan kerana dia tidak pandai, tetapi kerana tidak cukup masa, tidak ada orang. Jadi kalau hendak di-tambah pula lagi dengan kes² perkara² terekah kechil ini, saya rasa barangkali harus dia kena bekerja 24 jam. Untuk mengatasi masalah ini saya merayu-lah kata orang sambil menyelam minum ayer, tolonglah tambahkan lagi Majistret di-negeri Trengganu itu.

Kemudian kalau tidak boleh hendak di-edarkan perkara² ini ka-Mahkamah ya'ani hendak di-jalankan bagaimana sekarang melalui Pejabat Tanah saya berharap-lah supaya di-adakan peratoran² yang ketat oleh pehak atasan ia-itu memberi arahan yang betul² tegas supaya pegawai ini menjalankan tugas-nya dengan bersungguh² untuk menyelesaikan masalah ini. Dan yang lebeh baik, kalau dapat, di-adakan pegawai khas untuk membicharakan hal² harta pesaka ini sahaja, kerana kes² ini banyak, Tuan Yang di-Pertua. Orang mati hari². Jadi bila mati tentu ada sedikit sa-banyak meninggalkan harta.

Bagaimana keadaan yang ada sekarang ini ia-itu di-tugaskan ADO² dan sa-bagai-nya

yang juga mempunyai tugas² yang lain. Mereka ini memikirkan masalah pertelingkahan ini tidak begitu penting, ada perkara yang lebeh penting lagi yang di-dahulukan. Itu-lah sebab-nya maka perkara ini menjadi berpanjangan bertahun² sa-hingga makin susah, makin serabut bagaimana yang saya katakan tadi.

Kapada mereka² yang di-beri tugas ini hendak-lah di-beri arahan yang ketat betul² supaya mengadakan perbicharaan ini dengan mengikut routine bagaimana juga perbicharaan² mahkamah ia-itu di-tetapkan date atau haribulan-nya, tarikh sekian di-sini, tarikh sekian di-sini melawat di-tiap² mukim dan kampung dengan chara itu sahaja dapat di-selesaikan lebeh chepat sedikit daripada masa yang ada sekarang, saya tidak mahu kata mesti dapat selesai terus-menerus hanya saya terlebeh baik daripada masa yang ada sekarang.

Kemudian berhubung dengan nilai harta \$25,000 tadi. Saya merasa ada sedikit keraguan. Ada-kah dengan menaikkan \$25,000 nilai ini telah menchukupi untuk memberi kesenangan kepada orang kampung dalam masalah harta pesaka ini. Sebab kalau kita bandingkan keadaan value harta pesaka pada hari ini dengan masa 10 tahun yang lalu sahaja, tidak usah kata 20 tahun dahulu, telah naik lebeh daripada 100%. Saya mithalkan kepada tanah, katakan-lah dalam bandar, tidak usah kata Kuala Lumpur bandar besar, ia-itu bandar² di-Pantai Timor sa-kali pun, kalau dahulu dalam satu ekar hari itu harga tanah dalam pusat bandar atau shopping area mithal-nya, sa-banyak \$10,000, (ini tempat saya-lah saya katakan). Kalau Kuala Lumpur tidak kira-lah. Tetapi pada hari ini daripada \$10,000 itu sudah menjadi hampir \$200,000 bahkan ada tempat² yang kalau mustahak di-kehendaki oleh satu² perusahaan sama ada seperti perusahaan minyak-kah atau sebagai-nya sampai lebeh dari \$200,000,—\$6 atau \$7 sa-kaki persegi. Bagini-lah harga (value) yang ada pada hari ini kalau di-bandingkan dengan masa dahulu. Jadi \$25,000 ini kita kira ada-lah sangat sedikit. Saya tidak-lah menchadangkan supaya di-naikkan lagi chuma sa-bagai satu pandangan yang di-harapkan menjadi buah kajian oleh pehak Kerajaan sama ada patut di-lebehkan sedikit lagi value-nya atau pun sa-bagai-nva. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sa-tinggi² terima kaseh dan tahniah kepada Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini yang telah memberi sumbangan-nya bahawa tegoran yang membanda dan juga shor² yang baik yang telah kita dengar pada hari ini dari semenjak semalam berkenaan dengan Bill atau Rang Undang² yang saya bentangkan di-hadapan kita ini.

Bagaimana saya katakan tadi mula²-nya tujuan mengadakan Small Estates (Distribution) (Amendment and Extension) Bill ini dan meminda-nya ia-lah untuk memberi lebeh kesenangan atau pun kemudahan kepada pehak yang berpendapatan rendah, yang miskin sadikit, yang bukan kaya, supaya senang mendapat kuasa dan membahagikan harta-nya. Chara-nya bagaimana saya katakan tadi dan saya pun ada pengalaman lima enam tahun sa-bagai Penolong Pemungut Tanah masa di-Johor dahulu ia-lah fom (form) yang di-isi pun tidak banyak kalau di-jalankan dengan chara undang² ini, perbelanjaan pun kecil, kalau di-benarkan perkara ini di-bawa bichara di-mahkamah. Yang ketiga-nya mengurangkan orang di-kampong² mithal-nya di-hulu² datang ka-bandar² atau ka-mahkamah bichara. Itu tujuan-nya ia-lah bagaimana yang telah di-buat kebanyakan tempat masa saya dahulu apakala Penolong Pemungut Hasil Tanah itu tiga bulan sa-kali-kah atau enam bulan sa-kali pergi ka-daerah², ka-kampong², rumah Penghulu memungut hasil tanah dan tatkala itu-lah dia membawa fom² mengisi supaya di-isi orang² yang hendak mengambil surat kuasa dan kalau sudah di-isikan masa di-pejabat kelmarin pergi di-situ untuk di-bicharakan supaya sakalian warith² itu ada di-situ. Senang di-buat kerja. Kalau di-buat kerja di-pejabat daerah atau sub-district level, kalau boleh di-kampong boleh di-buat, di-bawah pohon pun boleh di-bicharakan. Ini-lah tujuan-nya yang pertama.

Dan kita pinda pula daripada \$10,000 itu sampai \$25,000 untuk membolehkan sekarang ini sebab harga tanah sudah naik. Kalau harta ka-bawah \$25,000 dahulu \$10,000 boleh juga di-buat dengan chara yang mudah. Kalau tidak, kalau tanah itu \$11,000 terpaksa mithal-nya orang yang di-Hulu Kelantan pergi ka-Kota Bahru mengambil probet dan administration, bukan-kah susah itu. Ini-lah tujuan-nya yang di-adakan

undang² Pembahagian Kebun Kechil ini tadi. Di-bawah perkara² ini sa-memang-lah kita telah sedar dan saya lupa juga menyatakan, saya harap semua Ahli² Yang Berhormat ada di-Dewan Ra'ayat, Fasal 3 (2) telah di-pinda oleh Fasal 4. Saya bachakan di-sini mana yang tidak ada salinan-nya, harga-nya \$25,000 tadi.

“Provided until the Minister otherwise orders, this sub-section shall have effect in the States of West Malaysia with the substitution of the word \$10,000 for the word \$25,000.”

Huraian-nya kenaikan nilai harta pesaka kechil daripada \$10,000 kepada \$25,000 akan mengakibatkan bertambah-nya kerja di-pejabat² tanah. Pindaan ini ia-lah untuk menentukan bahawa kenaikan nilai itu tidak akan mula berkuatkuasa di-Malaysia Barat sa-hingga pejabat² tanah sedia atau per-kiraan² atau rundingan² lain telah di-buat untuk menguruskan kerja tambahan yang terlibat kelak. Ini berma'ana yang di-naikkan \$25,000 ini tidak di-kuat-kuasakan di-Malaysia Barat ini sa-hingga Kementerian saya telah berunding dengan Kementerian Tanah dan Kerajaan² Negeri untuk menyediakan pegawai², kemudahan² yang boleh menjalankan tugas² baharu yang bertambah dengan sebab kenaikan \$25,000 ini. Kalau sekarang kita naikkan pun memang tidak boleh di-jalankan oleh Pejabat² Tanah yang ada di-Malaysia.

Saya memberi jaminan di-sini apakala diluluskan Rang Undang² ini saya akan mengambil tindakan bermeshuarat, berunding dengan Kementerian yang berkenaan, Pesuruhjaya Tanah dan juga Kerajaan Negeri bagaimana chara-nya hendak kita lekaskan undang² ini supaya betul² faedah dan menafa'at itu di-neikmati oleh orang² yang di-luar bandar bagaimana yang di-suarakan oleh Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini, yang saya fikirkan semua-nya betul apa yang dinyatakan. Itu ada-lah fact yang sah dan Kerajaan sendiri sedar dengan sebab itu di-bawakan Rang Undang² ini.

Chadangan perkara ini hendak di-pindahkan di-bichara oleh Mejjisteret atau Sessions Court. Sunggoh pun bagus, saya fikir menimbulkan juga satu problem atau masaalah yang sangat rumit. Pada fikiran saya chadangan yang kedua kepada Ahli yang buat chadangan itu ia-lah Pejabat² Tanah itu kita adakan peratoran baharu, chara²-nya sama

ada di-tambahkan Pegawai² Tanah itu atau kita adakan mithal-nya dua tiga pegawai khas dan di-gezetkan sa-bagai Penolong Pemungut Hasil Tanah tiap² satu Negeri. Kerja-nya tidak lain melainkan berpusing-lah sa-mata² menjalankan kerja Small Estates (Distribution) Act. Saya fikir dengan chara ini dapat kita lekaskan lagi kerja yang saya fikir masa ini pun bertimbun², kerana saya dapati apakala saya melawat luar bandar berchakap perkara ini dengan Penolong Pemungut Hasil Tanah dan ADO, dan lain². Kata-nya zaman pembangunan ini Tan Sri kerja² bertambah², bukan macham tujuh lapan tahun dahulu, macham² pelan keluar, State pelan, Federal Pelan, Committee hendak pergi lagi, mengikut keluar cheramah dengan Menteri, kemudian pula dialok, dia mesti ada mengiring Menteri Besar-nya. Bilalah masa yang banyak ada pada-nya. Saya nampak kerja telah bertambah dan masa-nya kurang untok menyelesaikan perkara pembahagian pesaka ini. Sa-patah kata Yang Berhormat Tuan Haji Abdullah tadi the priority is very low. Padahal pada orang k...mpong itu-lah yang mustahak daripada yang lain.

Perkara ini memang-lah di-ambil perhatian berat dan segala chadangan² itu sangat membena. Yang kedua-nya, saya menguchapkan juga tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin, yang di-sokong oleh Yang Berhormat yang lain. Saya fikir chadangan-nya tepat, masa-nya telah sampai, zaman kita sudah berubah sekarang, ra'ayat negeri ini sa-memang-lah sekarang berubah, bukan macham masa penjajah dahulu telah ada lain daripada harta tanah. Kalau zaman penjajah dahulu kita katakan tanah bendang, ada sedikit peliharaan ternakan kambing dan lain². Sekarang masing² ada FLDA dan lain², sudah ada memegang saham, saham MARA, saham itu, pergerakan yang banyak. Kalau ada-lah sa-orang mati mithal-nya meninggal lain tidak ada chuma 2,000 share berharga \$2,000 maka terpaksa-lah orang itu kalau di-Hulu Kelantan mithal-nya pergi ka-Kota Bahru mengambil probet dan administration. Perkara ini sa-memang-lah kehilafan dan tidak terlintas masa pegawai saya dan saya juga masa menggubal pindaan ini, kerana sa-patut-nya kita membacha pada Penyata Rasmi Meshuarat (Hansard) tahun 1955 bagaimana yang telah di-sebutkan tadi. Dan saya menyatakan di-sini perkara itu akan saya bawa pada timbangan Jema'ah Kerajaan pada satu masa kelak akan di-bawa

boleh jadi di-pinda ini kepada satu undang² khas bagi-nya, dan saya akan tunaikan kehendak Ahli² Yang Berhormat itu (*Tepok*).

Berkenaan dengan kelewatan khas-nya pada orang kampung. Perkara ini sa-betul-nya ada sa-tengah ra'ayat kita tahu hal ini kalau sa-saorang mati meninggalkan harta pesaka itu mesti-lah mengambil surat kuasa untok di-bahagikan, tetapi kadang² tidak tahu di-mana hendak di-tujukan. Perasaan-nya kalau berjumpa loyar belanja-nya besar dan takut pula atau susah, padahal ada juga Pemegang Amanah Raya atau Public Trustee atau Assistant Public Trustee yang boleh menolong hal² perkara saperti ini.

Kelewatan ini oleh sebab boleh di-katakan dengan sebab kelalaian atau pun kejahilan. Saya chadangkan menambahkan juga chadangan² yang ada yang di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat tadi mithal-nya chadangan yang sangat membena, Penghulu² di-kampung² mesti mengambil berat dalam perkara ini. Kalau tidak apa kerja lain dia hendak menolong anak buah-nya, memberi sharahan menyatakan ia-itu kalau ada kematian di-kampung itu menasihatkan anak buah-nya, kalau ada harta yang di-tinggalkan lekas di-ambil kuasa dan di-bahagikan. Kedua-nya, kita selalu mendengar masa kematian bagi orang Islam ada pula oleh kerana hendak turun rumah itu dia bersharah sekejap beri ucapan. Saya fikir sa-patut-nya di-tambah dalam sharahan itu, sa-lain daripada minta mengampunkan dosa, membayar hutang, membahagi hutang dan lain² di-tambah juga oleh orang yang beruchap itu menyatakan, minta-lah ahli warith itu jangan lupa pergi segera mengambil kuasa, kalau tidak di-Pejabat Tanah atau Penolong Pemegang Amanah Raya yang sedia menolong-nya, kalau ada, kerana kalau lekas di-selesaikan tidak ada pergadohan chuchu yang tinggal boleh merosakkan roh ibu bapa-nya dalam kubur itu. Ini barangkali satu chara yang boleh meleakaskan.

Yang ketiga Khutbah². Imam² boleh menyatakan ini. Berapa banyak kita mendengar imam² menyatakan perkara yang saperti ini, yang berguna kepada orang Islam, tidak biasa di-dengar.

Sa-lain daripada itu, saya chadangkan juga Radio dan Talivishen, di-mana pegawai² yang bertanggung-jawab boleh memberi cheramah² atau chara² memberi keterangan supaya orang kampung dapat

mendengar perkara ini dan dengan kerjasama daripada yang saya sebutkan tadi dan kita sakalian Ahli Yang Berhormat, perkara ini dapat kita selenggarakan. Itu saya fikir chara² yang praktikal.

Saya fikir tidak patut kita hendak membuat satu undang², sunggoh pun bunyi-nya bagus. Mithal-nya boleh di-buat perkara ini, siapa² warith semenjak mati sa-orang itu kalau meninggalkan harta tidak mengambil pesaka dalam tempoh 6 bulan yang ditentukan, hukoman-nya sekian bulan. Belum ada negeri yang membuat-nya kerana barang kebaikan tidak di-buat di-hukom, nampak benar. Jarang benar di-buat melainkan degil benar ra'ayat, baharu di-keluarkan hukoman saperti ini. Hendak kita hukom bagi menyenangkan dia, kalau dia tidak ikut. Rasa saya tidak sampai-lah hati Kerajaan hendak membuat ra'ayat begitu, memaksa dan menghukom macham itu.

Saya fikir chara nasehat yang kita bincangkan tadi ada-lah lebeh berkesan rasa-nya. Tidak tahu-lah kalau ada Ahli Yang Berhormat menhadangkan akan datang. Kalau di-chadangkan nanti kami takut dalam pilihan raya nanti di-salahkan pula Kerajaan Perikatan, bimbang pula kita.

Berkenaan dengan latehan bagi pegawai² yang di-sebutkan oleh Tuan Abdullah tadi dan lain² Ahli Yang Berhormat juga, saya rasa, kita faham benar kerana kebanyakan pegawai² muda kita menjawat jawatan Kerajaan, Penolong Pemungut Hasil Tanah, baharu kerja kadang sa-tahun atau enam bulan, maka tiba² telah di-beri tanggungjawab untuk mentadbirkan satu Small Estates (Distribution) Ordinance, bukan satu perkara yang senang melainkan hendak-lah ada latehan. Saya suka menyatakan di-sini latehan yang kita buat sekarang ini di-Petaling Jaya telah ada memberi latehan kepada pegawai² ini termasuk juga berkenaan dengan Pembahagian Pesaka Harta² Kechil, tetapi bagaimana kita semua ma'alom bukan semua pegawai itu dapat latehan dengan serta-merta, kadang² dua tiga orang sa-sabuah negeri mendapat giliran-nya.

Sa-lain daripada itu, saya fikir patut juga di-negeri² di-adakan kursus² oleh mithal-nya Pegawai Daerah sendiri, yang mahir dalam hal ini atau Pesurohjaya Tanah sendiri patut mengambil inisiatif dalam perkara ini memberikan kursus atau menam-

bahkan pengetahuan supaya melanchar, memberi kemahiran lebeh kapada Penolong² Pemungut Hasil Tanah di-negeri² supaya mereka itu mahir dalam perkara menjalankan, mentadbirkan undang² yang dibentangkan di-hadapan kita hari ini. Sakira-nya ada kelengahan pegawai² yang menjalankan pentadbiran undang² ini maka masing² itu ada-lah di-bawah Kerajaan Negeri masing², ia-itu Setiausaha Kerajaan, Pesurohjaya Tanah dalam negeri dan Menteri Besar sendiri, maka boleh di-bawakan perkara² itu kepada pehak² yang berkuasa negeri, boleh menggalakkan negeri ini menjalankan tugas²-nya. Kerana saya sendiri di-sini tidak ada kuasa kapada mereka itu. Mereka² itu ada-lah Pegawai² Negeri masing².

Saya chuba, Tuan Yang di-Pertua, menjawab perkara² yang umum kerana satu persatu susah, kerana perkara ini br'anyak yang sama saya tengok. Berkenaan dengan adat² dan juga ugama dan lain², ini saya menerangkan di-sini undang² ini bagi semua small estates, tidak kira apa ugama dan adat ia-lah untok di-bahagi dua. Kemudian ada undang² lain bagi orang Islam dan bukan Islam tentang faraidh-nya pula. Perkara ini mithal-nya kapada orang Islam, senang sahaja bila dapat masa hendak mengambil kuasa itu, ini satu kelambatan juga kadang² maka Penolong Pemungut Hasil Tanah akan menghantar nama² warith² itu kapada Pejabat Kadhi untok mendapat pembahagian mengikut faraidh. Bila dapat surat daripada Pejabat Kadhi itu baharu-lah dipulangkan balek kapada Pejabat Tanah, maka Penolong Pemungut Hasil Tanah akan membahagikan harta atau tanah itu mengikut faraidh, yang terdapat oleh Kadhi² itu. Di-sini-lah timbul bagaimana tadi, yang menyatakan tanah telah di-bahagi sa-hingga chukop kechil dan tidak ekonomik kapada mana² famili atau sa-orang dua jua pun. Faraidh yang di-beri itu menunjokkan, mithal-lah tanah chuma ada tiga ekar sahaja. Warith tinggal sa-puloh orang. Ada yang ibu, ada anak dan lain². Pembahagian mengikut faraidh tidak sama, ada yang banyak, ada yang sedikit. Tanah yang sedikit kalau di-ukor betul² tanah kubor sahaja, 1/36 sudah tiba ka-situ. Benda yang macham ini bukan-lah tanah itu di-bahagi. Dia chuma menulis berapa pembahagian hak dia di-dalam geran itu, geran tanah itu. Tanah tidak di-bahagi—undivided shares.

Kalau-lah dia hendak bahagi tanah mithal-nya lima ekar untuk empat orang, dia memohon kepada Pejabat Tanah untuk dipechahkan, di-ukor dan di-bahagikan, sub-divide. Kalau tidak ada kelulusan Pejabat Tanah tidak akan di-benarkan pembahagian itu, melainkan salah sa-orang terpaksa dia jual kepada sa-orang yang lain. Jadi, tidaklah betul kita katakan tanah itu di-bahagi mengikut apa yang di-katakan faraidh; tidak. Apa provision atau pun peruntokan dalam undang² ini.

Saya fikir banyak Ahli² Yang Berhormat tahu, ia-itu ada kuasa kepada collector itu menimbangkan perkara² ini dan tidak mengikut apa kehendak warith² yang tinggal. Mithal-nya di-sini:

“15. (4) The Collector may at his discretion in order to prevent the excessive subdivision of land or the holding of small lots of land in common by numerous persons or in complicated fractional interest.”

(a) x x x x x x x x x x

(b) x x x x x x x x x x

“(c) may order the land or any part of it to be sold in such manner as it may prescribe.”

Ada chukop dalam itu, sama ada pegawai itu pandai mentadbirkan atau tidak, tetapi ada satu perkara yang timbul di-sini pula. Sa-kira-nya orang Islam ada tegahan pula, saya tidak tahu-lah dari mana datang-nya, baharu juga saya terbacha tadi, saya tengok. Orang Islam tidak boleh. Ini syarat-nya:

“No distribution order made in accordance with the provisions of sub-section 3, 4 and 5 shall have effect where any beneficiary affected thereby is a Muslim unless and bring such beneficiary being of old age and capacity, shall have assented thereto.”

Memberi persetujuan-nya baharu boleh. Barangkali ada tegahan oleh agama Islam, saya tidak tahu-lah, saya tidak alim tentang ini.

“And where any beneficiary is a minor except assent shall have been given on his behalf by a guardian appointed under sub-section 10.”

Bagi orang Islam tidak boleh pula collector itu berkuasa menjualkan-nya supaya sa-orang sahaja dapat, atau yang lain itu mesti jual bahagian-nya, sa-orang sahaja yang

mendapat tanah itu melainkan dapat persetujuan. Di-sini kalau sa-kira-nya hendak over-rule perkara ini semua. Kerajaan Persekutuan tidak boleh, hendak-lah di-pertimbangkan mithal-nya di-Majlis Raja² kalau sa-kira-nya ini menyalahi Shara' atau Hukum Islam. Di-sini terang tidak ada kuasa.

Banyak juga chadangan² berkenaan dengan adat dan lain² lagi itu. Kita sedar negeri kita ini mithal-nya ada Adat Perpateh, ugama Islam, adat resam dan lain². Saya kata tadi undang² ini untuk mentadbirkan dan chara hendak membahagikan-nya, tetapi berapa sa-orang dapat sama ada mengikut ugama atau mengikut adat dia, atau bagi yang bukan Islam undang² yang khas-nya bagi-nya, terpulang-lah mengikut Perlembagaan. Kalau ugama dan adat resam ada-lah kekuasaan Kerajaan Negeri, maka tidak sah dan tidak boleh Kerajaan Persekutuan sa-kali² membuat undang² dalam perkara ini. Mithal-nya Adat Perpateh Negeri Sembilan, ada hak, melainkan Negri Sembilan sendiri membuat undang² membuang Adat Perpateh dan Hukum Shara'. Demikian juga undang² pembahagian harta mengikut adat resam, walau pun adat atau custom di-Sabah dan di-Sarawak ada hak dia mengikut undang² masing². Sebab itu-lah kita tidak jalankan di-Sabah dan di-Sarawak, melainkan dapat chara² yang bagaimana-kah hendak di-jalankan dengan mendapat persetujuan Kerajaan Negeri di-sana.

Perkara itu sa-memang saya kata negeri kita ini sudah-lah ada Federation ada pula Majlis Ugama dan adat resam dan mengikut Constitution kerana kita tidak boleh membuat undang² yang berlawanan, melainkan diubah dan hendak mengubah perkara itu ada satu² sebab, bukan senang hendak di-ubah, melainkan dengan persetujuan, sama ada Raja² Melayu atau negeri masing². Ini payah.

Satu perkara lagi saya suka memberi tahu di-sini, ia-itu berkenaan dengan pembahagian tanah. Jabatan saya pada masa ini telah mendapat arahan daripada Kementerian Tanah untuk menggubal satu Undang² untuk menahan daripada tanah² yang kechil² itu daripada di-pechah²kan dan di-bahagi²kan. Pada masa ini undang² itu sedang di-gubal dan lepas itu di-bawa pula kepada National Land Council atau pun Majlis Tanah Negara yang mana akan di-timbangkan perkara ini dan jikalau dapat persetujuan oleh Kerajaan

Persekutuan dan juga Kerajaan² Negeri, baharu-lah kita bawa kepada Dewan untuk di-timbangkan. Perkara² atau chadangan, dan rayuan yang di-buat di-sini pendek-nya sudah kena pada tempat-nya pada masa ini yang mana perkara ini sedang di-selenggarakan. Saya fikir Ahli Yang Berhormat ini tahu dan Kerajaan pun sedar atas perkara ini insha' Allah perkara ini akan di-bawa tidak lama lagi ka-Parlimen.

Sekarang saya hendak bawa perkara² yang saya fikir patut saya jawab, kalau tidak marah pula Ahli Yang Berhormat sahabat saya, Tuan Haji Abu Bakar Hamzah. Dia sayang saya nampak-nya, kerana selalu dia menyebut nama saya. Di-sini saya suka menerangkan, ia-itu semenjak kita merdeka, Ruler itu ma'ana-nya mesti menjalankan kerja²-nya dan tidak dapat tidak mesti menerima nasehat daripada Exco atau Menteri Besar, dan tidak-lah lagi di-pakai Ruler-in-Council yang dahulu. Ruler itu ma'ana-nya ia-lah bukan dia sendiri mengikut timbang tilek-nya, tidak. Ruler itu ia-lah apabila datang Menteri Besar dan Exco memutuskan baharu-lah di-jalankan. Bukanlah atas timbang tilek atau sa-suka sendiri.

Sekshen 31 berkenaan dengan bayaran \$3,000 bayaran bagi mengadakan peguam (lawyer). Di-sini memang-lah tujuan Kerajaan pada masa dahulu pun untuk menyenangkan orang² kampung ini, kalau lagi mula lawyer itu berhak, pada pendapat Kerajaan masa itu tahun 1965, barangkali sekarang ini ada-lah sukar. Perkara yang kechil² ini, kalau boleh, di-elakkan bayaran. Kalau ada perkara yang sulit dan di-fikirkan oleh collector memang menasabah dan lawyer pun ada menulis, mithal-nya minta dia di-benarkan hadir dengan sebab² yang tertentu, oleh kerana banyak perkara² yang timbul, sa-orang warith itu bukan warith yang sa-benar mithal-nya, anak angkat dan lain², tatkala itu tentu-lah saya fikir, Pemungut Hasil Tanah atau Penolong Pemungut Hasil Tanah membenarkan lawyer itu hadir. Itu-lah sebab-nya bukanlah kerana dari segi keadilan dan lain², tidak sa-kali² untuk menyenangkan kerja.

Yang kedua, tentang bayaran \$3,000. Ini bukan-lah ketinggalan kerana tidak di-timbangkan; betul harta tadi kita timbang daripada \$10,000 dan di-naikkan kepada \$25,000. Ini di-gelarkan small estate. Maka pada masa itu harga harta \$10,000 dahulu,

jikalau harta itu kurang daripada \$3,000 maka lawyer tidak boleh mengambil duit daripada harta, melainkan \$3,000 ka-atas, baharu boleh. Pada pendapat Kerajaan masa ini tidak patut-lah kita naikkan proportionately mithal-nya \$25,000 naik \$15,000 kerana kalau begitu, kita naikkan mengikut proportion, atau naik \$10,000 sa-kali pun, maka tidak-lah kita adil pula kepada peguam (lawyer) yang pergi bichara itu mithal-nya \$9,000 dia tidak dapat-lah fees-nya kerana tidak lebeh daripada \$10,000. Jadi biar-lah di-fikirkan \$3,000 di-situ tidak di-ubah.

Berkenaan dengan Trengganu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kata-nya. Sekshen 31 (3) menyebutkan:

“ the provision of this Section can apply in the State of Trengganu;” saya tidak pernah sebut negeri lain, “to a pleader in that State in the same manner in all respect as it applies to advocate and solicitor of the Supreme Court.”

Negeri² dalam Tanah Melayu ini ada satu Negeri sa-lain daripada lawyer, ada pleader ia-itu negeri Trengganu. Pleader ini saya tidak tahu-lah dalam bahasa Melayu-nya. Pleader ini dia macham lawyer, tetapi tidak pas lawyer, boleh merayu. Dengan sebab itu-lah di-adakan di-Trengganu sekarang ini saya fikir ta' tahu-lah ada lagi pleader satu dua, sebab sudah banyak lawyer ada di-sana, tetapi saya fikir ada lagi satu dua di-situ. Kalau di-Kelantan ada pleader, Ahli Yang Berhormat itu boleh jadi pleader juga, tentu ada. (*Ketawa*). Berkenaan dengan Undang² yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan, kita buat chadangan supaya di-adakan satu team pergi bagaimana di-buat oleh Land Settlement Act. Saya terangkan di-sini ia-itu Land Settlement Act itu atau Enactment itu ada-lah tujuan-nya dengan sebab ada-nya negeri pada zaman dahulu boundry itu—sempadan tanah itu tidak tentu, sudah berpuluh tahun dengan memachak kayu. Pada masa itu belum di-ukor dengan betul lagi, dan tidak-lah selesai sa-lama²-nya. Ini banyak sangat di-Kelantan dan kalau tidak salah di-Perlis pun ada. Di-buat satu Undang² khas atas perkara itu. Sekarang-lah boleh di-katakan selesai-lah perkara itu. Tetapi perkara team sa-macham itu ia-lah satu perkara yang berkehendakkan selesai itu sahaja. Sekarang dengan selesai-nya boundry yang sa-lama ini

tidak di-selesaikan maka tidak-lah, ada masaalah itu timbul lagi—bukan recurrent. Kalau kita buat team macham itu, tidak boleh, saya fikir, tidak sesuai dengan perkara itu. Perkara mengadakan satu team untuk menyelesaikan satu² masaalah yang telah lama ada dan apakala selesai tidak akan timbul lagi pada tanah² yang baharu ini—betul di-ukor, di-buboh batu semua-nya tidak lagi sa-bagaimana dahulu. Team yang samacham itu, saya fikir tidak-lah sesuai untuk menjalankan pentadbiran pesaka yang bukan satu masaalah, tetapi yang berpanjangan (recurrent) sa-lama²-nya. Saya fikir chadangan menambahkan pegawai ada-lah lebeh lagi sesuai daripada di-adakan team untuk satu² tempat. Kerana kalau tidak team itu di-tiap² Negeri sa-lama²-nya, saya fikir, tidak boleh di-terima chadangan itu, sunggoh pun bagus chadangan itu.

Saya fikir itu-lah, Dato' Yang di-Pertua, lagi sa-kali mana yang saya tidak dapat menjawab, bukan-lah sebab apa², tetapi saya fikir sudah semua-nya di-ambil ingatan dan saya menguchapkan terima kaseh dan tahniah kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah beruchap berhubong Bill ini yang saya nampak sangat² membena dan sangat berpuas hati, kerana ini satu perkara yang sangat penting kapada ra'ayat kita.

Usul di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pergerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 2—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Fasal 3, Sekshen 1 (1) ia-itu perkataan "Minister". Saya suka kalau Kerajaan mengambil ingatan menggantikan dengan perkataan "Attorney-General".

Sebab-nya, Tuan Pengerusi, betul Minister di-sini tentu-lah Minister yang charged dengan kewajipan Kementerian ini, tetapi bagaimana telah kita pernah mendengar penerangan daripada Attorney-General kita

sendiri bahawa Minister itu tidak mesti orang yang expert atau pun orang yang qualified di-dalam Kementerian ini, kerana dia hanya menjalankan polisi. Kalau dia mempunyai orang yang mempunyai qualification dalam masaalah itu, maka dia akan mengganggu masaalah pentadbiran, bukan sahaja menjalankan masaalah polisi. Tetapi berlainan keadaan, Tuan Pengerusi, dengan Menteri Ke'adilan ia-itu kita namakan Attorney-General yang dia bukan sahaja mesti mempunyai qualification, tetapi mesti pula mempunyai khidmat² (service) yang telah memakan masa bertahun². Jadi biar-lah Minister of Justice ini di-namakan Attorney-General supaya sekurang²-nya menjadi peringatan kapada negara kita siapa-kah yang mula² menjadi Attorney-General dalam negara kita ini. Dengan demikian dapat-lah kita sa-orang Attorney-General yang kita harap chepat sangat boleh menggunakan nama-nya di-tempat² bandar² yang besar.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, perkataan "Minister" ini di-buat di-bawah peratoran, di-bawah rule, bukan di-dalam Enactment ini sendiri. Apa-lah yang kita mesti kachau sangat? Dan saya rasa boleh kita buat begitu bukan di-dalam undang² ini yang di-keuarkan di-dalam L.N. atau pun Legal Notification No. 495 tahun 1955. Ia pada tahun itu di-buat di-bawah rule yang di-buat oleh High Commissioner in Council. Yang kita gantikan dengan perkataan "Minister" sekarang ini, ini sa-bagai satu pandangan kapada Kerajaan kita.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, Fasal 4, sekshen 3 yang hendak di-pinda itu sampailah kapada yang kedua.

(1) "This Part shall have effect throughout Malaysia." Kemudian yang kedua, biar saya bachakan di-sini, "For the purpose of this Ordinance a small estate means an estate of a deceased person consisting wholly or partly of immovable property situated in any State . . ."

itu kita kekalkan juga perkataan lama yang ada sebut, "in which this part has effect." Ini kita sudah potong sa-olah² Rang Undang² kita ini bila di-luluskan berjalan dengan serta-merta seluroh negeri sedang di-dalam Fasal² yang lain ada kita beri kuasa kapada Attorney-General (saya tidak sebut Minister lagi) yang boleh appoint the date to bring the Ordinance into force.

Kalau kita tidak sebut perkataan ini, saya rasa dari segi undang²-nya tidak berjalan, kechuali-lah kalau ada di-lain² yang kita tidak berjumpa. Tetapi saya chari tidak berjumpa benda itu.

Kemudian ada satu perkataan lagi di-sini di-muka 6 sekshen yang kita hendak pinda itu 8 (1) dengan 18 (1)—Gantikan “mukim” dengan “locality”. Bila kita sampai di-sini, kita nampak-lah kerja² Yang Berhormat Attorney-General kita ini, kerja dia potong, ganti, masok ia-itu delete, substitute, insert. Kerja dia potong, ganti, masok. Jadi sekarang ini dia hendak ganti ya’ani: gantikan “mukim” dengan “locality”. Tuan Pengerusi, mungkin perkataan mukim itu synonymous dengan locality, tetapi masalahnya ini bukan masalah perkataan di-gunakan dalam undang². Sebab itu-lah perkataan mukim itu dahulu-nya di-sebut dengan perkataan mukim, tidak di-sebut dengan perkataan Ingeris. Kechuali-lah perkataan locality ini di-mana² ada definition-nya. Jikalau tidak ada hendak pakai juga definition mukim tentu-lah tidak betul.

Di-sini, Tuan Pengerusi, kalau tidak silap chatetan saya di-dalam ini, perkataan mukim ini asal-nya di-kaitkan dengan Penghulu ia-itu the Penghulu of the Mukim. Di-Malaysia kita the Penghulu of the Mukim itu orang chukup faham sebab kita di-sini tidak ada county, tidak ada bahagian² sa-bagaimana di-England atau di-negeri² lain. Bila kita kata the Penghulu of the locality, kawasan Parlimen itu pun the locality of the Parliament. Jadi ada Penghulu sa-orang di-situ. Jadi ini, Tuan Pengerusi, tidak tahu-lah Yang Berhormat Peguam Negara ini pun baharu sangat kita ada Jabatan ini, banyak sangat pula kesalahan² yang lama² yang dapat di-dapati kemudian di-tambah pula dengan yang payah hendak di-terima.

Kemudian daripada itu tidak ada termasuk di-sini, saya suka-lah mengingatkan balek berkenaan dengan satu perkara tadi. Di-sini ada sebut, tidak dapat saya hendak chari semua dengan chukup, kechil², sebab di-ambil perkataan kechil² sangat macham mukim. Itu tidak ada dia punya connection. Yang dapat saya hendak chari chuma dapat saya hendak sebut barangkali ada terkeluar sedikit daripada sini tetapi mustahak. Kadang² itu benda yang tidak betul pun kalau sudah mustahak patut juga di-kemukakan. Itu sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, dalam

Islam ini tidak menyuroh orang membahagi harta itu belah². Yang ada-nya dalam Islam itu right bukan provision. Boleh jadi tuan ada right di-atas satu benda tetapi tuan belum ada provision bagi barang itu. Jadi dalam Islam menentukan right bukan menentukan provision. Jikalau tidak, Tuan Pengerusi, kalau-lah sa-saorang itu bercherai dengan isteri-nya, dia ada sa-orang anak dan anak itu mesti-lah sharable. Erti-nya boleh di-share antara isteri dengan suami. Kalau-lah ikut falasafah attitude hendak beri dua, apa-kah mereka mesti potong anak itu ambil sa-orang sa-kerat? Jadi tidak lojik-nya perkara itu berlaku, maka tidak lojik-nya kalau kita berfikir bahawa Islam itu menyuroh kita berpechah. Sekian.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya, Tuan Pengerusi, tidak mengatakan Islam ini memang tetap menyuroh kita berpechah. Faraidh pun tidak ada menghalang kemajuan. Itu-lah yang saya terangkan tadi bukan faraidh yang salah, pentadbiran-nya, chara² orang-nya warith² itu yang hendakkan tanah, tanah pesaka walau pun sedikit lima depa pun dia hendak juga, Tuan Pengerusi. Itu yang kita hendak ubahkan mentality orang kita itu.

Berkenaan dengan chadangan tadi sungguh pun bukan chadangan pindaan, mustahil boleh di-pinda dengan chara bagini, tetapi sa-bagai observation. Saya fikir tidak payah-lah kita ubah kerana huruf Menteri itu boleh jadi Minister pada satu masa kelak. Kerajaan ubah lagi berkehendakkan Peguam Negara mithal-nya menjadi Menteri, Peguam Negara sahaja. Kemudian di-adakan Menteri Kehakiman atau Menteri Undang², susah lagi pula hendak mengubah undang². Tetapi kalau Minister itu termasuk Attorney-General.

Yang kedua-nya, Fasal 4, sekshen 3 (2) itu hendak-lah di-pinda lepas huruf “value” itu dengan “provided that . . .” sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, ada pindaan-nya.

Chadangan hendak menambah lagi huruf “state”, saya fikir ta’ mustahak, kerana terang dalam proviso ini. Satu masa apakala Menteri buat satu perintah, maka boleh-lah undang² ini di-jalankan sa-terus-nya dalam Negeri² di-Malaysia Barat bagaimana yang ada dalam pindaan ini. Pindaan ini telah di-edarkan kepada semua Ahli² Yang Berhormat.

Tentang chadangan huruf "locality" tadi ada sebab-nya di-tukarkan, kerana ini boleh di-katakan Penghulu of the Mukim dari segi undang², kalau ada Penghulu itu bukan pada satu² Negeri, tidak di-ubah Mukim dengan nama lain, maka undang² Islam ta' boleh di-jalankan. Tetapi kalau di-katakan Penghulu of the locality, Penghulu tempat itu, apa pun nama tempat Penghulu itu, boleh di-pakai, walau pun Penghulu² mukim itu atau nama-nya lain, Penghulu kampung itu mithal-nya nama Penghulu tetapi ta' di-sebut mukim, kawasan sudah di-ubah, dia ta' sebut perkataan mukim. Maka itu-lah sebab-nya Penghulu of the locality, Penghulu tempat itu, kalau mukim lagi bagus, ia-itu termasuk lagi luas ma'ana locality daripada mukim. Itu-lah mengelakkan daripada di-ubah kerana benda ini boleh jadi di-Sabah dan Sarawak ta' ada mukim, locality. Itu sahaja yang dapat saya terangkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 9 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Dato' Yang di-Pertua, saperti yang boleh di-dapati dalam huraian pada Rang Undang² ini, Fasal 3 Rang Undang² ini menchadangkan untuk menubuhkan sa-mula Lembaga Jurutera yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 3 pada Akta dan untuk mengadakan peruntukan bagi melantek sa-orang ahli sa-bagai ganti sa-saorang

lain yang telah mati, meletakkan jawatan atau yang mana perlantekan-nya telah di-batalkan.

Fasal 8 Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda sekshen 10 yang berhubung dengan kelayakan untuk di-daftarkan di-bawah Akta. Sa-saorang Jurutera yang mempunyai kelayakan yang sesuai ada-lah di-kehendaki supaya mendaftar sa-bagai sa-orang Jurutera Berijazah dan mendapatkan pengalaman praktikal yang di-tetapkan dan keanggotaan Bersekutu Kesatuan Jurutera (Malaysia) atau sa-suatu kelayakan yang sa-teraf dengan-nya sa-belum ia berhak mendaftar sa-bagai sa-orang Jurutera Profeshenal. Sa-orang Jurutera Profeshenal di-bawah Fasal 6 ada-lah berhak untuk menjalankan amalan dan perniagaan atau bekerja sa-bagai sa-orang Jurutera dan Fasal 7 membenarkan sa-orang Jurutera Profeshenal mengemukakan pelan terta'alok kepada had² yang di-tetapkan dalam peratoran yang di-buat di-bawah Akta ini atau menggunakan kependekan "P. Eng", sa-lepas nama-nya. Dengan ini sa-orang Jurutera Berijazah hanya boleh bekerja sa-bagai sa-orang Jurutera jika kebenaran bertulis dari Lembaga telah di-dapati.

Walau bagaimana pun pindaan telah di-buat di-bawah Fasal 8 bagi meminda sekshen 10 supaya mengechualikan orang² yang berikut mendapatkan pengalaman praktikal yang di-tetapkan bagi maksud pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurutera Profeshenal:

- (a) Sa-siapa jua pada tarikh yang di-tetapkan (ia-itu tarikh Akta mula di-kuatkuasakan) ada-lah sa-orang ahli Bersekutu Kesatuan Jurutera (Malaysia) dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu;
- (b) Sa-siapa jua yang menjalankan amalan atau perniagaan atau bekerja sa-bagai Jurutera *bona fide* sa-belum sahaja tarikh yang di-tetapkan dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan daripada tarikh itu.

Mengikut sekshen 11 Akta yang sekarang ini sa-orang Jurutera ada-lah di-halang menjalankan amalan-nya di-bawah nama sa-suatu sharikat berhad atau di-bawah perlindungan tanggungan berhad. Fasal 9 Rang Undang² ini menchadangkan supaya sekshen 11 itu di-mansokhkan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda sekshen 15 (1) yang mengadakan peruntukan berkenaan dengan berbagai² hal di-bawah nama pendaftaran sa-saorang Jurutera boleh dibatalkan. Perenggan² (c) dan (f) yang di-chadangkan mengadakan peruntukan berkenaan dengan hal² yang sa-lanjut-nya.

Pada akhir-nya Rang Undang² ini pun bertujuan untuk meminda sekshen 17 bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan pendaftaran sa-mula sa-saorang Jurutera yang nama-nya telah di-keluarkan daripada pendaftaran atas perintah Lembaga sa-lepas habis tempoh tidak kurang daripada 6 bulan sa-lepas perintah tersebut atau sa-lepas keputusan sa-suatu rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohom men-chadangkan.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Wong Seng Chow: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I rise to support this Bill now before the House. The Registration of Engineers (Amendment) Act, 1972 and the two following Acts, the Registration of Surveyors (Amendment) Act, 1972 and the Architects (Amendment) Act, 1972, are to further regulate the practices of these three professions and would prevent a lot of overlapping of work between them. Under the Second Malaysia Plan, this country is enjoying a building boom and the Bill is timely as it would ensure a better control in the building industry and I hope it would be able to prevent any tragic mishaps in the building industry as we have witnessed recently.

The Bill now before the House and the two following Bills provide for the registration of these professional men and will clearly define the role they have to play in the building industry. The standards required by these professional men are high and accordingly they are remunerated under their respective scale of charges. It has come to my notice that some people who employ these professional people, notwithstanding the charges laid down, bargain for a lower fee. I would urge the people concerned to consider that it is worth the money paid for to get their advice and to be safe and to have these professions maintain their professional etiquette and standards.

Lastly, Mr President, Sir, we have now in this country many locally qualified people as Engineers, Surveyors and Architects. Their standards are second to none and the Government should consider restricting foreign people in these three fields from coming in to practice here. Permanent residence is insufficient; they should be citizens of this country. Thank you, Sir.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan dalam Rang Undang² ini ada berkata bahawa sa-orang Engineer itu boleh menjadi ahli atau di-gelar sa-bagai sa-orang Engineer yang berdaftar sa-kira-nya dia mempunyai kelayakan² yang sesuai dengan apa yang di-fikirkan oleh Lembaga itu. Saya hendak bertanya kelayakan ijazah saperti di-Indonesia, di-India, di-Amerika, di-Jerman, umpama-nya di-negara² yang bukan dalam Komanwel, ada-kah Kerajaan kita akui dan boleh di-daftarkan sa-bagai Engineer di-sini. Pada masa ini, saya rasa, kita kekurangan Engineer dan di-universiti kita pun sangatlah kekurangan Engineer, terutama sa-kali bagi kaum bumiputra orang Melayu sangatlah kurang yang lulus peperiksaan Engineering di-Universiti Malaya ini dan saya rasa bagi orang Melayu yang suka hendak melanjutkan pelajaran, umpama-nya di-Indonesia dan di-India kerana belanjanya pun murah dia boleh pergi ka-sana untuk belajar dan dapat kelulusan Engineer dan apabila dia balek boleh menjalankan kerja sa-bagai sa-orang Engineer. Tetapi ada-kah universiti² yang sa-umpama ini di-akui oleh Kerajaan sa-bagai universiti yang di-akui sijil atau ijazah²-nya. Sekian.

Dato' J. E. S. Crawford: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, in rising to support the Bill, I have very little to say except to fully support it. But I would like one clarification, Sir. "Professional Engineers" is rather a wide term. Does that include all Engineers, such as Mechanical, Civil, Marine and Mining Engineers? Normally they are classified as professional engineers under those headings. I know there are probably other headings as well, Sir. But we have Mechanical Engineers, Civil Engineers, Marine Engineers and Mining Engineers who are professionals. Does this cover all those, or just one type of Engineers? Thank you.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak² terima kaseh atas sokongan Ahli² Yang Berhormat kepada Rang Undang² ini. Di-sini ingin-lah saya menjawabkan sedikit berkenaan dengan soalan² yang di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow telah mengatakan yang patut pada waktu ini kita mempunyai bilangan Engineer yang chukop. Kita tidak membenarkan lagi Engineer² daripada luar negeri masuk ke-negeri kita, patut pekerjaan² ini sa-harus-nya di-pegang oleh ra'ayat kita dalam negeri ini. Ini memang-lah tujuan Kerajaan kita menggunakan Engineer² kita sendiri jikalau bilangan-nya sudah chukop. Tetapi yang sa-benar-nya undang² ini di-buat ada-lah di-sebabkan kita kekurangan Engineer pada waktu ini. Sa-lagi kita sendiri belum mempunyai bilangan Engineer yang chukop, maka terpaksa-lah kita menggunakan Engineer² daripada luar negeri kerana bilangan Engineer dari ra'ayat negeri kita sendiri belum menchukopi. Tetapi bila sahaja bilangan Engineer kita sudah chukop, sudah tentu-lah kita tidak menggunakan Engineer dari luar negeri.

Berkenaan dengan soalan yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan yang dia mengatakan kelayakan dari India, Indonesia dan lain² negeri itu patut kita akui, sa-benar-nya kebanyakan daripada universiti² dalam negeri² yang tersebut ini ada-lah di-akui (recognise) oleh negeri kita dan memang betul pada waktu ini ada kelulusan yang kita belum akui (recognise), tetapi ini ada-lah sedang di-kaji ia-itu adakah ijazah² yang di-keluarkan oleh universiti² yang kita belum iktirafkan pada waktu ini harus kita akui atau tidak. Perkara ini ada-lah sedang kita siasat pada waktu ini tetapi di-sini boleh saya katakan kebanyakan universiti² di-negeri² sahabat kita ada-lah kita iktiraf ijazah Jurutera² pada waktu ini.

Berkenaan dengan soalan yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Dato' J. E. S. Crawford tadi pada fikiran saya Bill ini sendiri sudah chukop menerangkan di-sini yang ini ada-lah cover kepada semua aspek Engineering, kechuali dalam negeri kita pada waktu ini yang kita tidak masukkan di-sini ia-lah berkenaan dengan Engineer² yang di-iktirafkan oleh Ordinan Letrik tahun 1949. Ini sahaja yang kita

kechualikan, kerana ini ada-lah satu kumpulan Engineer yang tidak di-masokkan dalam Jurutera² yang di-liputi oleh Akta ini oleh kerana Jurutera² ini ada-lah di-bawah kawalan Ordinan Letrik tahun 1949.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 14—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-bawah Sekshen 14 (3), kita dapati perkataan "6 bulan" di-situ, ia-itu kalau sa-orang itu telah di-potong nama-nya, kemudian dia mesti-lah minta dalam masa 6 bulan. Saya rasa memandang kepada negara kita belum chukop mempunyai Jurutera², patut perkataan "6" itu di-gantikan dengan "12". Ini ada-lah supaya tidak-lah Jurutera² itu terasa hati dan mereka pergi ka-tempat² lain sa-bagaimana yang berlaku-nya pada Jururawat². Ini pun juru² juga kerana Jururawat—Jurutera. Akhir-nya kita terpaksa memujuk pula orang itu balek. Apa salah-nya kalau kita beri satu tahun ia-itu "6" itu di-timbangkan dengan "12".

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Pengerusi, ini tidak mengikut peratoran kerana kita tidak memberi notis untuk membuat apa² pindaan ini. Di-sini yang sa-benar-nya kita sudah chukop timbang berkenaan dengan perkara ini. Masa 6 bulan itu ada-lah chukop untuk mereka, tetapi walau pun begitu boleh-lah saya mengambil ingatan atas apa yang Ahli Yang Berhormat itu chadangkan dan perkara ini saya akan sampaikan kepada Board of Engineers kelak untuk di-timbangkan. Terima kaseh.

Fasal 1 hingga 14 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENDAFTARAN JURUKOR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda sekshen 10 yang berhubung dengan kelayakan untuk di-daftarkan di-bawah Akta. Mengikut Fasal 9 yang telah di-chadangkan itu sa-siapa jua yang mempunyai kelayakan yang di-perlukan ada-lah di-kehendaki supaya mendaftarkan buat sementara dan untuk mendapatkan pengalaman praktikal yang di-tetapkan dan keanggotaan Institusi Jurukor (Malaysia) atau sa-suatu kelayakan yang setaraf dengan-nya sa-belum ia berhak mendaftar dengan sa-penoh-nya sa-bagai sa-orang Jurukor (yang akan di-namakan bagi maksud Akta ini sa-bagai "Jurukor Berdaftar"). Sa-saorang Jurukor Berdaftar di-bawah Fasal 6 ada-lah berhak untuk menjalankan amalan atau perniagaan atau bekerja sa-bagai Jurukor, tetapi sa-saorang Jurukor yang di-daftarkan buat sementara boleh bekerja sa-bagai Jurukor hanya dengan kebenaran bertulis dari Lembaga.

Walau bagaimana pun mengikut pindaan bagi sekshen 10 saperti yang telah di-chadangkan di-bawah Fasal 9 orang² yang berikut ada-lah di-kechualikan mendapat pengalaman praktikal yang di-tetapkan bagi maksud pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurukor—

- (a) Sa-siapa juga yang pada tarikh yang di-tetapkan (ia-itu tarikh Akta itu mula di-kuatkuasakan ada-lah sa-orang anggota Institusi Jurukor (Malaysia) dalam Bahagian Ukor Bahan atau Bahagian Ukor Amalan Biasa yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu;
- (b) Sa-siapa juga pada tarikh yang di-tetapkan mempunyai sa-suatu kelayakan yang pada pendapat Lembaga di-fikirkan sa-bagai sa-taraf dengan kelayakan anggota Institusi Jurukor Malaysia dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu;
- (c) Sa-siapa juga yang sa-belum sahaja tarikh yang di-tetapkan menjalankan amalan atau perniagaan atau telah di-ambil bekerja sa-bagai sa-orang

Jurukor *bona fide* dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu.

Rang Undang² ini telah pun menchadangkan di-antara lain untuk menubuhkan sa-mula Lembaga Jurukor yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 3 dalam Akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perlantekan sa-orang ahli sa-bagai ganti sa-saorang lain yang telah mati, meletakkan jawatan atau yang mana perlantekan-nya telah di-batalkan (Fasal 3).

Sekshen 11 Akta yang sekarang menghalangkan sa-orang Jurukor yang berdaftar menjalankan amalan di-bawah nama sa-suatu sharikat berhad atau di-bawah perlindungan tanggungan berhad. Fasal 10 Rang Undang² ini bertujuan untuk menghapuskan sekshen 11 itu.

Perenggan (f) baharu kepada sekshen 15 (1) yang telah di-chadangkan di-bawah Fasal 12 mengadakan peruntukan berkenaan dengan satu daripada berbagai² hal di-bawah nama pendaftaran sa-saorang Jurukor boleh di-batalkan itu.

Pada akhir sekali Rang Undang² ini bertujuan di-bawah Fasal 14 untuk meminda sekshen 17 bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan pendaftaran sa-mula sa-saorang Jurukor yang nama-nya telah dikeluarkan daripada pendaftaran atas perintah Lembaga sa-lepas habis tempoh tidak kurang daripada 6 bulan sa-lepas perintah itu atau sa-lepas keputusan sa-suatu rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 15 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² AKITEK (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah di-terangkan dalam huraian kepada Rang Undang² ini, Fasal 3 menhadangkan untuk menubuhkan sa-mula Lembaga Akitek yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 3 Akta ini dan bagi mengadakan peruntukan bagi perlantikan sa-orang ahli untuk menggantikan sa-orang lain yang telah mati, meletakkan jawatan atau yang mana perlantikan-nya telah di-batalkan.

Satu tujuan utama Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda sekshen 10 yang berkenaan dengan kelayakan untuk pendaftaran di-bawah Akta ini. Di-bawah pindaan² yang telah di-chadangkan di-Fasal 9 sa-siapa jua yang mempunyai kelayakan yang di-perlukan ada-lah di-kehendaki mendaftar sa-bagai sa-orang Siswazah Akitek dan memperolehi pengalaman praktikal yang di-tetapkan dan menjadi anggota Perbadanan Pertubohan Akitek² Malaysia atau sa-suatu kelayakan yang sa-teraf dengan-nya sa-belum berhak di-daftarkan sa-bagai sa-orang Akitek. Sa-saorang Akitek di-bawah Fasal 7 yang telah di-chadangkan itu ada-lah berhak untuk menjalankan amalan atau perniagaan atau pun pekerjaan sa-bagai sa-orang Akitek, tetapi sa-saorang Siswazah Akitek hanya boleh bekerja sa-bagai sa-orang Akitek jika kelulusan bertulis daripada Lembaga telah di-dapati.

Bagaimana pun mengikut pindaan kepada Sekshen 10 seperti yang telah di-chadangkan di-bawah Sekshen 9, orang² yang berikut tidak di-kehendaki mendapat pengalaman praktikal yang di-tetapkan bagi maksud pendaftaran sa-bagai sa-orang Akitek:

- (a) Sa-siapa jua yang pada tarikh yang di-tetapkan (ia-itu tarikh Akta ini mula di-kuatkuasakan) di-daftarkan di-bawah Bahagian Ordinan Akitek 1951;
- (b) Sa-siapa jua yang menjadi anggota Perbadanan bagi Pertubohan Akitek² sa-belum sahaja tarikh yang di-tetapkan dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh itu dan pada tarikh permohonan

itu ia-nya ada-lah sa-orang anggota Perbadanan bagi Pertubohan Akitek² Malaysia;

- (c) Sa-siapa jua yang menjalankan amalan atau perniagaan atau yang telah bekerja sa-bagai sa-orang Akitek *bona fide* di-Malaysia Timor bagi sa-kurang²-nya 12 bulan sa-belum tarikh yang di-tetapkan dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh itu;
- (d) Sa-siapa jua yang pada tarikh yang di-tetapkan ada-lah sa-orang anggota Siswazah bagi Pertubohan Akitek² Malaysia dan telah bekerja sa-bagai sa-orang Akitek di-Persekutuan dan ia-nya memohon untuk di-daftarkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh itu.

Di-bawah sekshen 11 Akta yang sekarang, Akitek² yang berdaftar tidak boleh menjalankan amalan di-bawah nama sa-suatu sharikat berhad atau di-bawah perlindungan tanggungan berhad. Fasal 10 dalam Rang Undang² ini menhadangkan bahawa sekshen 11 itu di-mansokhkan.

Ada-lah juga di-chadangkan hendak meminda bahagian 5 Akta yang berkenaan dengan pendaftaran Pelukis Pelan Bangunan.

Dengan pindaan yang di-chadangkan bagi sekshen 19 di-bawah Fasal 17 itu Lembaga Akitek di-beri budi bichara mutlak untuk mendaftar si-siapa juga yang ada mempunyai kelayakan dan pengalaman untuk menjadi Pelukis Pelan Bangunan. Ini berma'ana persetujuan terlebih dahulu dari pehak berkuasa Bangunan atau Majlis Tempatan dalam kawasan di-mana Pelukis Pelan Bangunan berhad hendak menjalankan amalan tidak lagi di-perlukan. Lembaga adalah juga di-beri kuasa untuk mengubah atas permohonan sa-orang Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar, apa² sekatan yang di-kenakan atas sa-orang Pelukis Pelan Bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang² ini, saya suka hendak mendapat sedikit keterangan berkenaan dengan beberapa perkara dalam masalah

bentok² bangunan. Saya rasa undang² ini ia-lah untuk menubuhkan Lembaga Akitek dan saya rasa apabila Kerajaan menubuhkan Lembaga Akitek, maka sa-harus-nya Kerajaan mengadakan satu rundingan dengan Lembaga Akitek itu supaya bentok² bangunan yang akan di-buat oleh akitek² bagi masa² hadapan ini lebeh merupakan bentok² yang berchorak Malaysia atau bentok² yang boleh menjadi satu kesan sejarah dalam beberapa tahun yang kemudian nanti. Umpama-nya, kita dapat melihat pada masa ini bentok bangunan Kerajaan yang ada di-Kuala Lumpur, bentok Bangunan Keretapi yang berchorak yang boleh di-jadikan satu kajian sejarah. Ma'ana-nya pada masa di-buat-nya bangunan itu mesti-lah ada pengaruh² yang menyebabkan akitek itu membentok bangunan yang berchorak sa-umpama yang ada pada masa ini. Saya rasa pada zaman pembangunan ini, maka akitek kita patut-lah di-beri dorongan, atau pun di-beri galakan supaya bentok² bangunan pada zaman yang kita ada hari ini dapat menjadi kajian sejarah umpama-nya 50 atau pun 100 tahun di-masa hadapan. Jadi ada-kah pernah bagi pehak Kerajaan mengadakan satu rundingan atau pun kira-bichara dengan Lembaga ini supaya kita dapat melihat bentok² yang sesuai yang berchorak Malaysia.

Satu contoh-nya, saya suka terangkan di-sini umpama-nya bentok Universiti Hospital. Pada mula²-nya saya tengok bentok Universiti Hospital itu sa-olah² berupa topi Ko Man Chu (*Ketawa*). Saya lihat sa-kali pandang bentok Universiti Hospital itu di-buat merupakan satu bentok yang berupa topi Ko Man Chu. Bentok yang sa-umpama itu, kita rasa patut Kerajaan mengambil langkah menjaga dan mengawal supaya jangan-lah pada masa hadapan nanti boleh di-katakan kita telah di-pengaruh oleh satu² gulungan dalam membentok negara kita ini, sebab bentok bangunan ini merupakan bentok negara. Ini yang penting.

Satu lagi yang saya suka hendak memberi pandangan di-sini ia-lah tentang perebutan dari mendapat kerja membuat pelan² oleh akitek² ini. Saya rasa, patut-lah juga Kerajaan mengambil tahu sebab ada kala-nya satu kompeni, umpama-nya dia buat satu² projek, atau pun satu² kontrekter, satu² perkiraan sudah menjadi satu kumpulan yang lain yang tidak boleh di-pechahkan, umpama-nya dia ada civil

engineering; engineer ada, akitek ada, berbagai² kumpulan-nya, dia sahaja yang boleh menjalankan, dan membuat pelan itu dan tidak dapat di-buat oleh akitek yang lain. Ini satu perkara yang merupakan satu kumpulan yang monopoli dalam satu² kerja.

Saya rasa perkara ini, kalau-lah saya hendak beri alasan yang tepat, tidak dapat saya beri di-sini dan tidak harus saya berikan di-sini, tetapi saya rasa pehak Kerajaan pun mengetahui ada gulungan² yang monopoli dalam kerja² yang sa-umpama ini dan ini patut di-ambil tahu oleh pehak Lembaga Akitek manakala Lembaga ini menubuhkan badan-nya.

PENANGGOHAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan bahawa Dewan ini di-tanggoahkan sekarang.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

KEMASOKAN HIPPISS KA-NEGARA INI

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, saperti mana yang kita dapati sekarang, negara kita ini telah di-kunjongi oleh hippis². Kelakuan dan adat yang di-bawa oleh mereka ada-lah sangat² bertentangan dengan adat ketimoran kita. Kelakuan mereka mendapak, menchi², dan bermandi telanjang tanpa silu² di-tempat² ramai ada-lah sangat² menjatuhkan moral kita, yang sa-olah² mereka itu sahaja-lah yang ada di-tempat² itu. Kelakuan mereka ada-lah sangat² di-benchi oleh ra'ayat negara ini, dan mereka ini-lah puncha² yang membawa kemasokan madat dan lain² drug ka-negera ini.

Sikap² mereka ini telah pun meresap di-satengah² anak muda kita, yang mana, di-hari ini, kita boleh dapati ada di-antara mereka chuba membuat kehidupan saperti hippis² ini. Ini menunjukkan bahawa di-satu hari kelak, moral anak² muda kita juga akan terturut² dalam hal ini. Kelakuan bagini tentu-lah susah bagi kita hendak mengawal-nya dan ini sangat² bertentangan dengan adat ketimoran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya kita hendak menggalakkan supaya ramai pelanchong² datang ka-negera kita, tetapi tidak-lah pelanchong saperti ini. Kerajaan Pusat tidak-lah sa-harus-nya melambatkan dalam mengharamkan kemasokan hippis² ini ka-negera kita ini demi untok kebaikan moral kita semua. Saya berharap Kerajaan Pusat dapat mengambil tindakan yang segera dalam hal ini.

Sekian, terima kaseh.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob):

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun mengenai kemasokan hippis ka-negera ini, Kerajaan ada-lah sedar tentang bahaya dan anchaman yang di-bawa oleh orang² yang di-panggil hippis itu kapada adat ketimoran dan tata susila negara ini. Kerajaan telah pun mengambil tindakan membatalkan serta-merta pas² lawatan mereka² yang di-gelar hippis (*Tepok*) yang di-dapati melanggar

undang² negara kita mengikut kuasa² yang di-beri di-bawah Peratoran 11 (8) Ordinan Immigration, 1959, berkenaan dengan menchegeh kemasokan mereka itu ka-dalam negeri kita. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri maseh lagi mengkaji dengan mendalam.

Ada-lah menjadi soalan yang rumit untok menentukan siapa-kah hippis dan siapa-kah yang bukan hippis, oleh kerana ramai juga pelanchong² yang bukan hippis, tetapi berpakaian dan berchorak hippis. Kalau salah tindakan di-ambil nanti akan mengakibatkan nama burok kapada negara dan akan menyentoh perusahaan pelanchongan dalam negeri kita ini. Demikian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari esok, 2hb Jun, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.35 petang.